



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015

PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN
JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

NEGERI TERENGGANU SIRI 1



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015

PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN
JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

NEGERI TERENGGANU SIRI 1



KANDUNGAN

KANDUNGAN

vii	KATA PENDAHULUAN
xi	INTISARI LAPORAN
	BAHAGIAN I
	AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN
	PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
	UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI
	UNIT PERUMAHAN, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
	TERENGGANU
3	Pengurusan Kuota Bumiputera Bagi Projek Perumahan Swasta
	JABATAN KERJA RAYA DAERAH BESUT
	MAJLIS DAERAH HULU TERENGGANU
	PEJABAT DAERAH MARANG
	JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN TERENGGANU
15	Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri
	YAYASAN TERENGGANU
33	Pengurusan Perolehan
	BAHAGIAN II
	PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI
49	Pendahuluan
49	Penambahbaikan Pengurusan Kewangan Oleh Jabatan/Agensi Negeri
51	Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti
52	Objektif Pengauditan
52	Skop Dan Metodologi Pengauditan
52	Kawalan Utama
64	Penemuan Audit
69	Pemeriksaan Audit Mengejut
76	Syor Audit
79	PENUTUP



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.
2. Laporan ini mengandungi 2 bahagian iaitu Bahagian I - Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri manakala Bahagian II - Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi. Bahagian I melaporkan pengauditan yang telah dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 4 Jabatan dan 2 Agensi. Bahagian II pula melaporkan pengauditan pengurusan kewangan yang dijalankan di 13 Jabatan/Agensi dan Pemeriksaan Audit Mengejut di 17 Jabatan/Pejabat/Agensi .
3. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan dan Agensi juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum Laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 13 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat berkenaan.
4. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2015 Siri 1 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana dihasratkan oleh Kerajaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditian dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
18 Mac 2016



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI

UNIT PERUMAHAN, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

TERENGGANU

- Pengurusan Kuota Bumiputera Bagi Projek Perumahan Swasta

1.1. Kerajaan Negeri telah menggubal dasar berkaitan pembangunan dan pemilikan tanah serta perumahan bagi seluruh negeri Terengganu. Pada 18 Julai 2012, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu telah meluluskan dasar pembangunan perumahan dengan menetapkan pembinaan di atas tanah yang melebihi 3 hektar di negeri Terengganu perlu mempunyai komposisi Rumah Mampu Milik (RMM) sebanyak 25% daripada bilangan sebenar unit kediaman/kedai yang dibina/dibangunkan. Dasar ini merangkumi pembangunan oleh agensi Kerajaan dan pihak swasta. Pemaju juga dikehendaki menjual sekurang-kurangnya 90% unit RMM dan 30% daripada unit rumah kos sederhana dan tinggi serta kedai/pejabat kepada Bumiputera. Selain itu, pemaju juga dikehendaki memberi potongan harga sebanyak 5% kepada pembeli Bumiputera kecuali bagi pembelian RMM. Dasar ini telah dikemas kini pada 18 September 2013 melibatkan pindaan terhadap keluasan tanah pembangunan daripada 3 hektar kepada 2 hektar. Pada 18 Jun 2014, Kerajaan Negeri telah menambah baik dasar ini dengan meningkatkan komposisi pembinaan RMM kepada 30% daripada bilangan sebenar unit kediaman/kedai/pejabat bagi pembinaan di atas tanah berkeluasan melebihi 3 hektar. Selain itu, syarat penjualan RMM kepada Bumiputera dinaikkan daripada 90% kepada 100%. Manakala syarat kuota bagi lain-lain kategori rumah/kedai/pejabat dan kadar potongan harga bagi Bumiputera adalah tidak berubah. Bagi tempoh 4 tahun (2012 hingga 2015), sebanyak 39 kawasan telah dibangunkan oleh Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT) dan Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) melibatkan pembinaan RMM sebanyak 10,516 unit. Manakala sebanyak 26 kawasan telah dibangunkan oleh LTAWNT dan PMINT melibatkan rumah pelbagai kategori sebanyak 7,401 unit.

1.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga Disember 2015 mendapati pencapaian pemilikan kuota Bumiputera terhadap 13 projek perumahan yang diaudit telah mencapai/menepati objektif dasar perumahan Kerajaan Negeri. Bagaimanapun, terdapat beberapa aspek yang kurang memuaskan dan perlu kepada penambahbaikan oleh pihak yang berkenaan. Secara ringkasnya, antara kelemahan yang perlu diberikan perhatian dan tindakan adalah seperti berikut:

- Tiada syarat untuk pelepasan unit kuota Bumiputera bagi unit yang tidak terjual dan pindah hak milik unit kuota Bumiputera.
- Pemantauan kuota Bumiputera kurang memuaskan.
- Pengurusan taburan lot kuota Bumiputera tidak dibuat.
- Tiada pengurangan harga sebanyak 5% kepada pembeli Bumiputera bagi projek yang diusahakan oleh PMINT.

1.3. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pengurusan kuota Bumiputera bagi projek perumahan swasta adalah disyorkan perkara berikut:

1.3.1. Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) perlu menyediakan peraturan dan garis panduan yang jelas dan terperinci dalam pelaksanaan pengurusan kuota Bumiputera dalam aspek keluasan pembangunan projek perumahan dan penetapan harga rumah. UPEN perlu menetapkan syarat pelepasan kuota Bumiputera bagi unit Bumiputera yang tidak dapat dijual dan syarat sekatan hak milik perlu dibuat dan dicatatkan pada dokumen tersebut bagi mengelakkan penjualan unit Bumiputera dalam tempoh yang singkat.

1.3.2. UPEN perlu membuat pemantauan secara berkala dan berterusan bagi memastikan dasar Kerajaan Negeri berkaitan peratus pemilikan Bumiputera, taburan lot Bumiputera dan potongan harga dipatuhi oleh pihak pemaju.

1.3.3. PMINT perlu melaksanakan potongan/diskaun harga kepada pembeli Bumiputera bagi semua projek perumahan yang belum dijual selaras dengan dasar Kerajaan Negeri.

2. JABATAN KERJA RAYA DAERAH BESUT

MAJLIS DAERAH HULU TERENGGANU

PEJABAT DAERAH MARANG

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN TERENGGANU

- **Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri**

2.1. Jalan Negeri bererti mana-mana jalan awam, selain daripada jalan Persekutuan yang diwartakan mengikut Akta Jalan Persekutuan 1959, yang boleh dilalui oleh orang ramai. Perkara 109(1)(b), Perlembagaan Persekutuan menetapkan Kerajaan Persekutuan memberi pemberian secara khusus kepada Kerajaan Negeri bagi maksud penyenggaraan jalan Negeri. Jumlah pemberian ini adalah berdasarkan jumlah panjang jalan yang didaftarkan dalam *Malaysian Road Records Information System* (MARRIS). Jalan Negeri yang layak mendapat pemberian penyenggaraan terdiri daripada jalan bertaraf *standard*, jalan *sub-standard*, jalan kawasan perumahan kos rendah, jalan lorong belakang dan jalan pertanian/pelancongan/jalan kampung dengan ciri-ciri yang ditetapkan. Jalan Negeri di Negeri Terengganu yang didaftarkan dalam sistem MARRIS sehingga bulan Disember 2015 adalah sepanjang 11,300.483 kilometer. Jalan Negeri ini disenggarakan oleh Jabatan Kerja

Raya Negeri Terengganu (JKR), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Daerah dan Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS). Kerja Penyenggaraan jalan Negeri dibahagikan kepada 4 kategori iaitu penyenggaraan berkala, biasa, kecemasan dan pencegahan. Bagi tahun 2013 hingga 2015, peruntukan yang diterima bagi kerja penyenggaraan jalan Negeri masing-masing berjumlah RM138.01 juta, RM146.56 juta dan RM152.59 juta.

2.2. Secara keseluruhannya pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga Disember 2015 mendapati prestasi perbelanjaan penyenggaraan jalan secara keseluruhan bagi tempoh 2013 hingga 2015 adalah baik iaitu antara 98.9% hingga 111.7%. Manakala pelaksanaan kerja penyenggaraan jalan oleh agensi pelaksana telah mencapai sasaran kerja yang dirancangkan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaannya yang memberi impak kepada prestasi kewangan dan prestasi projek, antaranya adalah seperti berikut:

- Terdapat penggunaan peruntukan Wang Amanah bukan untuk kerja penyenggaraan yang dibenarkan.
- Kualiti kerja penyenggaraan jalan kurang memuaskan.
- Rekod MARRIS belum dikemas kini.

2.3. Beberapa perkara perlu dipertingkatkan dalam pengurusan penyenggaraan jalan raya bagi memastikan pengguna jalan raya sentiasa selesa dan selamat semasa menggunakan jalan raya. Sehubungan dengan itu, JKR Besut, PD Marang, Majlis Daerah Hulu Terengganu dan JPS Negeri hendaklah mengambil langkah-langkah penambahbaikan seperti berikut:

2.3.1. Agensi Pelaksana hendaklah memastikan peruntukan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri digunakan bagi maksud yang ditetapkan dalam Arahan Amanah.

2.3.2. Agensi Pelaksana perlu meningkatkan penyeliaan/pemantauan secara berterusan bagi memastikan pematuhan terhadap kontrak kerja agar kerja yang dilaksanakan berkualiti dan Kerajaan memperoleh *value for money* daripada perbelanjaan yang dilakukan.

2.3.3. Agensi Pelaksana hendaklah memastikan kerja penyenggaraan jalan dilaksanakan mengikut perancangan yang ditetapkan bagi mempertingkatkan tahap keselesaan dan keselamatan pengguna.

3. YAYASAN TERENGGANU

- **Pengurusan Perolehan**

3.1. Yayasan Terengganu (YT) ditubuhkan pada 1 Mei 1972 di bawah Enakmen Terengganu Bil. 9 Tahun 1972 untuk membantu Kerajaan memajukan industri pendidikan di negeri ini bagi membangunkan modal insan. Tujuan penubuhan ini termaktub dalam

Enakmen berkenaan sebagai usaha untuk meningkat, memaju dan memperkembangkan peluang-peluang dan kemajuan-kemajuan pelajar rakyat negeri ini. Selaras dengan tujuan penubuhannya untuk memajukan industri pendidikan, YT telah menyediakan penajaan, bantuan dan kemudahan pembelajaran berkualiti bagi memenuhi Agenda Pendidikan Negara selain memastikan anak Terengganu dapat melanjutkan pelajaran tanpa masalah kewangan dan menyediakan prasarana serta kemudahan untuk semua peringkat pendidikan. Tatacara Perolehan YT adalah tertakluk kepada Peraturan Akaun Dan Kewangan YT, Arahan Perbendaharaan, Pekeliling Kontrak, Pekeliling dan Surat Pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Perolehan yang dimaksudkan ialah perolehan barang, kerja dan perkhidmatan yang dilaksanakan sama ada melalui pembelian terus, sebut harga atau tender. Bagi tahun 2013 hingga 2015, YT telah melaksanakan perolehan bekalan, perolehan kerja dan perolehan perkhidmatan melibatkan perbelanjaan berjumlah RM32.70 juta.

3.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Oktober hingga Disember 2015 mendapati pengurusan perolehan di YT adalah memuaskan di mana peraturan dan prosedur berkaitan perolehan secara tender, sebut harga dan pembelian terus telah dipatuhi. Antaranya Jawatankuasa Tender dan Jawatankuasa Sebut Harga telah ditubuhkan, pelawaan tender dan sebut harga mengikut tempoh yang ditetapkan dan kajian pasaran telah dijalankan. Bagaimanapun terdapat kelemahan dalam tatacara perolehan dan pelaksanaan projek seperti di bawah:

- **Perolehan secara tender**
 - Sijil Perakuan Siap Kerja tidak diperakui oleh YT .
 - Masalah reka bentuk dan kualiti kerja kurang memuaskan.
- **Perolehan secara sebut harga**
 - Pembekal dilantik tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan.
 - Pembekal lewat dilantik.
- **Perolehan secara pembelian terus**
 - 15% pesanan Kerajaan dikeluarkan selepas barang/perkhidmatan diterima.
 - 7 perolehan dibuat tanpa pesanan Kerajaan.

3.3. Bagi memantapkan lagi pengurusan perolehan kerja, perkhidmatan dan bekalan YT adalah disyorkan mempertimbangkan perkara berikut:

- 3.3.1.** Memastikan Pegawai Penguasa yang dilantik tidak terlibat secara langsung dalam projek yang dibangunkan.
- 3.3.2.** Memastikan pelan reka bentuk disemak dengan teliti serta menjalankan pemantauan projek dengan lebih berkesan bagi memastikan kualiti kerja terjamin.

3.3.3. Memastikan semua kerosakan dibaiki oleh pihak kontraktor dalam tempoh tanggungan kecacatan dan peralatan yang dibeli digunakan sewajarnya.

BAHAGIAN II - PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

4. Pada keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2015 adalah baik. Pada tahun 2015, daripada 13 Jabatan/Agensi yang diaudit, sebanyak 8 Jabatan/Agensi Negeri mendapat tahap penarafan cemerlang, 2 Jabatan/Agensi mendapat penarafan pada tahap baik dan 3 Jabatan mendapat penarafan pada tahap memuaskan.



BAHAGIAN I

AKTIVITI

JABATAN/AGENSI

DAN PENGURUSAN SYARIKAT

KERAJAAN NEGERI

UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI

UNIT PERUMAHAN, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN

NEGERI

1. PENGURUSAN KUOTA BUMIPUTERA BAGI PROJEK PERUMAHAN SWASTA

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Rumah kediaman merupakan salah satu keperluan asas untuk memastikan kesejahteraan hidup rakyat sentiasa terpelihara. Untuk tujuan itu, Kerajaan Persekutuan telah memperkenalkan Dasar Perumahan Negara (DRN) yang menggariskan hala tuju serta dijadikan asas dalam perancangan dan pembangunan sektor perumahan di peringkat Persekutuan dan Negeri serta pihak swasta. Objektif DRN adalah untuk menyediakan rumah yang mencukupi, selesa, berkualiti dan mampu dimiliki bagi meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat. DRN juga menetapkan Kerajaan Negeri hendaklah membuat penetapan kuota dan kadar harga jualan rumah kos rendah bagi golongan berpendapatan rendah.

1.1.2. Kerajaan Negeri telah menggubal dasar berkaitan pembangunan dan pemilikan tanah serta perumahan bagi seluruh negeri Terengganu. Pada 18 Julai 2012, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu (MMKN) telah meluluskan dasar pembangunan perumahan dengan menetapkan pembinaan di atas tanah yang melebihi 3 hektar di negeri Terengganu perlu mempunyai komposisi Rumah Mampu Milik (RMM) sebanyak 25% daripada bilangan sebenar unit kediaman/kedai yang dibina/dibangunkan. Dasar ini merangkumi pembangunan oleh agensi Kerajaan dan pihak swasta. Pemaju juga dikehendaki menjual sekurang-kurangnya 90% unit RMM dan 30% daripada unit rumah kos sederhana dan tinggi serta kedai/pejabat kepada Bumiputera. Selain itu, pemaju juga dikehendaki memberi potongan harga sebanyak 5% kepada pembeli Bumiputera kecuali bagi pembelian RMM. Dasar ini telah dikemas kini pada 18 September 2013 melibatkan pindaan terhadap keluasan tanah pembangunan daripada 3 hektar kepada 2 hektar. Pada 18 Jun 2014, Kerajaan Negeri telah menambah baik dasar ini dengan meningkatkan komposisi pembinaan RMM kepada 30% daripada bilangan sebenar unit kediaman/kedai/pejabat bagi pembinaan di atas tanah berkeluasan melebihi 3 hektar. Selain itu, syarat penjualan RMM kepada Bumiputera dinaikkan daripada 90% kepada 100%. Manakala syarat kuota bagi lain-lain kategori rumah/kedai/pejabat dan kadar potongan harga bagi Bumiputera adalah tidak berubah. Butiran terperinci mengenai Dasar Perumahan Negeri Terengganu adalah seperti di **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1
Dasar Perumahan Negeri Terengganu

Perkara	Tarikh Mesyuarat MMKN		
	18 Julai 2012	18 September 2013	18 Jun 2014
Peratusan Pembinaan RMM Daripada Keseluruhan Projek	25%	25%	30%
Keluasan Tapak Projek	3 hektar	2 hektar	3 hektar
Diskaun Harga Untuk Bumiputera	5%	5%	5%
Kuota Bumiputera:			
- RMM	90%	90%	100%
- Pelbagai Kategori	30%	30%	30%

Sumber: Cabutan Minit Mesyuarat MMKN

1.1.3. Bagaimanapun berdasarkan surat pengesahan daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bertarikh 27 Januari 2016, pembangunan di atas tanah yang berkeluasan kurang daripada ketetapan yang diputuskan oleh Kerajaan Negeri adalah tidak tertakluk kepada kuota Bumiputera.

1.1.4. UPEN dan Unit Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu (SUK) bertanggungjawab dalam memastikan dasar yang telah ditetapkan bagi projek perumahan dan pembangunan bercampur dipatuhi oleh pihak pemaju. UPEN bertanggungjawab memastikan kuota Bumiputera dipatuhi bagi projek perumahan dan pembangunan bercampur manakala Unit Perumahan berperanan menguruskan pemilikan RMM bermula dari proses pemilihan pembeli sehingga pemilikan dibuat termasuk pembinaan RMM oleh pihak swasta. Selain pihak swasta, 2 agensi Kerajaan Negeri iaitu Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT) dan Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) turut terlibat dalam melaksanakan projek perumahan sama ada secara persendirian atau melalui usahasama dengan pemaju swasta. Bagi tempoh 4 tahun (2012 hingga 2015), sebanyak 39 kawasan telah dibangunkan oleh agensi Kerajaan Negeri, LTAWNT dan PMINT melibatkan pembinaan RMM sebanyak 10,516 unit. Manakala sebanyak 26 kawasan telah dibangunkan oleh LTAWNT dan PMINT melibatkan rumah pelbagai kategori sebanyak 7,401 unit. Bilangan kawasan dan unit rumah dibangunkan adalah seperti di **Jadual 1.2**.

Jadual 1.2
Bilangan Kawasan Dan Unit Rumah Dibangunkan
Bagi Tempoh 4 Tahun (2012 Hingga 2015)

Unit/Agensi	RMM		Pelbagai Kategori	
	Bil. Kawasan	Bil. Unit	Bil. Kawasan	Bil. Unit
Unit Perumahan SUK	27	8,045	0	0
LTAWNT	11	2,351	18	6,945
PMINT	1	120	8	456
JUMLAH	39	10,516	26	7,401

Sumber: Senarai Projek Di Unit Perumahan, LTAWNT dan PMINT

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan kuota Bumiputera bagi projek perumahan swasta yang diuruskan adalah cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan melalui keputusan Kerajaan Negeri dan garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek pengurusan kuota Bumiputera bagi projek perumahan swasta yang dilaksanakan bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015. Tumpuan pengauditan yang dijalankan adalah di Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan Unit Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Selain itu, pengauditan juga dijalankan di 2 agensi Kerajaan yang terlibat dalam projek perumahan iaitu Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT) dan Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT). Analisis pengauditan dijalankan terhadap 13 projek yang terpilih dengan menyemak fail, kertas kerja dan dokumen yang berkaitan dengan pengurusan kuota Bumiputera bagi projek perumahan swasta. Lawatan Audit turut dilakukan di projek perumahan yang dipilih. Temu bual dengan pegawai dan kakitangan yang terlibat secara langsung telah dilakukan bagi mendapatkan penjelasan. *Exit conference* telah diadakan pada 3 Mac 2016 turut dihadiri oleh Pengurus Unit Perumahan (SUK), Penolong Pengarah Seksyen Pembangunan Wilayah (UPEN), Pengarah Unit Audit Dalam SUK dan wakil-wakil daripada LTAWNT, PMINT dan Unit Integriti SUK.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga Disember 2015 mendapati pencapaian pemilikan kuota Bumiputera terhadap 13 projek perumahan yang diaudit telah mencapai/menepati objektif dasar perumahan Kerajaan Negeri. Bagaimanapun, terdapat beberapa aspek yang kurang memuaskan dan perlu kepada penambahan oleh pihak yang berkenaan. Secara ringkasnya, antara kelemahan yang perlu diberikan perhatian dan tindakan adalah seperti berikut:

- Tiada syarat untuk pelepasan unit kuota Bumiputera bagi unit yang tidak terjual dan pindah hak milik unit kuota Bumiputera.
- Pemantauan kuota Bumiputera kurang memuaskan.
- Pengurusan taburan lot kuota Bumiputera tidak dibuat.
- Tiada pengurangan harga sebanyak 5% kepada pembeli Bumiputera bagi projek yang diusahakan oleh PMINT.

1.4.1. Pemilikan Kuota Bumiputera Bagi RMM Dan Pembangunan Bercampur

Pada 18 Jun 2014, Kerajaan Negeri Terengganu melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu (MMKN) telah menetapkan kuota Bumiputera bagi RMM adalah 100% manakala sekurang-kurangnya 30% bagi pembangunan bercampur yang merangkumi pemilikan rumah kos sederhana, rumah kos tinggi dan rumah kedai/pejabat.

1.4.1.1. RMM Mencapai Sasaran Kuota Bumiputera Yang Ditetapkan

Pembangunan bercampur di atas tanah yang berkeluasan melebihi 3 hektar perlu mempunyai komposisi RMM sebanyak 30%. Kuota Bumiputera ke atas pemilikan RMM telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri sebanyak 100%. Semakan Audit mendapati 6 projek LTAWNT dan satu projek PMINT daripada 13 projek yang disemak adalah tertakluk kepada pembinaan RMM kerana melebihi 3 hektar. Pihak Audit mendapati LTAWNT dan PMINT telah mematuhi komposisi RMM yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Begitu juga semua pemilikan RMM bagi projek yang dilaksanakan oleh LTAWNT dan PMINT adalah Bumiputera berdasarkan senarai pemilik RMM di agensi tersebut. Nama pemilik RMM tersebut juga adalah bersamaan dengan senarai nama yang dikemukakan oleh Unit Perumahan.

1.4.1.2. LTAWNT Mencapai Sasaran Kuota Bumiputera Yang Ditetapkan

Berdasarkan Perjanjian Penswastaan antara Kerajaan Negeri, LTAWNT dan pihak pemaju, kuota Bumiputera yang telah ditetapkan adalah sekurang-kurangnya 70% bagi semua projek perumahan bercampur yang dilaksanakan oleh LTAWNT. Semakan Audit terhadap 7 projek mendapati LTAWNT telah melaksanakan penetapan kuota Bumiputera sekurang-kurangnya 70% bagi projek perumahan bercampur. Sebanyak 3 projek perumahan bercampur telah mencapai kuota Bumiputera walaupun 2 daripada projek tersebut masih belum habis dijual sepenuhnya. Manakala baki 4 projek lagi masih dalam proses penjualan seperti di **Jadual 1.3**.

Jadual 1.3
Peratusan Penetapan Dan Penjualan Unit Bumiputera Bagi
Perumahan Bercampur Oleh LTAWNT Setakat Bulan November 2015

Bil.	Projek	Bil. Unit	Penetapan Kuota Bumiputera		Penjualan					
			(Unit)	(%)	Bumiputera		Bukan Bumiputera		Belum Dijual	
1.	Projek Perumahan Pekan Bukit Payong	57	40	70	40	70	17	30	0	0
2.	Projek Perumahan Kg. Baroh Tok Jiring, K.Terengganu (3 Fasa)	279	195	70	232	83	22	8	25	9
3.	Projek Perumahan Kg. Banggol, Kemaman (3 Fasa)	406	284	70	284	70	77	19	45	11
4.	Projek Perumahan Di Pasir Minal, Binjai, Kemaman (3 Fasa)	282	197	70	138	49	85	30	59	21

Bil.	Projek	Bil. Unit	Penetapan Kuota Bumiputera		Penjualan					
			(Unit)	(%)	Bumiputera		Bukan Bumiputera		Belum Dijual	
			(Unit)	(%)	(Unit)	(%)	(Unit)	(%)	(Unit)	(%)
5.	Projek Perumahan Di Kg. Mak Chili, Kemaman	187	131	70	108	58	15	8	64	34
6.	Projek Perumahan Bandar Baru Bukit Mentok, Kemaman (5 Fasa)	300	210	70	135	45	39	13	126	42
7.	Projek Perumahan Kg. Cerang Guling (2 Fasa)	146	102	70	67	46	16	11	63	43

Sumber: Senarai Pembeli Dan Jualan LTAWNT

1.4.1.3. PMINT Mencapai Kuota Bumiputera Yang Ditetapkan

Semakan Audit mendapati PMINT tidak mempunyai dasar yang menetapkan peratusan kuota bumiputera bagi projek perumahan bercampur yang dibangunkan. Dengan itu, PMINT adalah tertakluk kepada Dasar Kerajaan Negeri yang menetapkan kuota Bumiputera bagi projek pembangunan bercampur adalah sekurang-kurangnya 30%. Bagaimanapun, PMINT ada menetapkan sasaran penjualan sebanyak 100% kepada Bumiputera. Semakan Audit terhadap 6 projek mendapati 5 daripadanya telah habis dijual manakala satu projek lagi masih dalam proses penjualan. Penjualan rumah bagi kelima-lima projek tersebut telah mencapai ketetapan kuota Bumiputera yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri seperti di **Jadual 1.4**.

Jadual 1.4
Peratusan Penetapan Dan Penjualan Unit Bumiputera Bagi Perumahan Bercampur Oleh PMINT Setakat Bulan November 2015

Bil.	Projek	Bil. Unit	Penetapan Kuota Bumiputera		Penjualan					
			(Unit)	(%)	Bumiputera		Bukan Bumiputera		Belum Dijual	
			(Unit)	(%)	(Unit)	(%)	(Unit)	(%)	(Unit)	(%)
1.	Perumahan Taman Seri Binjai II, Binjai Rendah, Marang	21	7	30	21	100	0	0	0	0
2.	Perumahan Taman Baiduri, Kuala Berang	11	4	30	11	100	0	0	0	0
3.	Perumahan Permint Putera III, Besut	26	8	30	25	96	1	4	0	0
4.	Perumahan Gong Badak Fasa 8, Kuala Nerus	16	5	30	13	81	3	19	0	0
5.	Perumahan KP Perdana, Kuala Terengganu (4 Fasa)	66	20	30	48	73	18	27	0	0
6.	Perumahan Balai Besar Dungun, Terengganu	19	6	30	11	58	0	0	8	42

Sumber: Senarai Pembeli Dan Jualan PMINT

1.4.1.4. Antara faktor pemilikan kuota Bumiputera tercapai bagi 6 projek perumahan tersebut adalah disebabkan populasi penduduk Bumiputera di negeri Terengganu yang tinggi manakala 7 projek lagi masih dibuka untuk jualan. Berdasarkan rekod Jabatan Perangkaan Malaysia, populasi penduduk di negeri Terengganu bagi tempoh tahun 2013 hingga bulan September 2015 adalah terdiri daripada 97% Bumiputera dan 3% bukan Bumiputera seperti di **Jadual 1.5**.

Jadual 1.5
Jumlah Penduduk Bumiputera Dan Bukan Bumiputera Mengikut Daerah
Di Negeri Terengganu Bagi Tahun 2013 Hingga Bulan September 2015

Daerah/Tahun	2013			2014			2015		
	B (Ribu)	BB (Ribu)	Jumlah (Ribu)	B (Ribu)	BB (Ribu)	Jumlah (Ribu)	B (Ribu)	BB (Ribu)	Jumlah (Ribu)
Kuala Terengganu	335.5	13.2	348.7	337.7	13.2	350.9	340.2	13.2	353.4
Kemaman	180.6	8.6	189.2	187.0	8.8	195.8	193.4	8.9	202.4
Dungun	159.6	4.4	164.0	162.8	4.5	167.3	166.2	4.4	170.5
Besut	149.5	3.0	152.5	153.2	3.2	156.4	157.1	3.6	160.7
Marang	97.2	2.3	99.5	97.9	2.5	100.4	98.6	2.5	101.1
Hulu Terengganu	75.4	0.5	75.9	77.0	0.5	77.5	78.7	0.5	79.2
Setiu	58.9	0.1	59.0	60.2	0.1	60.3	61.5	0.2	61.7
Jumlah	1,056.7	32.1	1,088.8	1,075.8	32.8	1,108.6	1,095.7	33.3	1,129.0

Sumber: Rekod Jabatan Perangkaan Malaysia (Unjuran Penduduk berdasarkan data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 yang disesuaikan)

Nota: B – Bumiputera BB - Bukan Bumiputera

Pada pendapat Audit, pemilikan kuota Bumiputera bagi RMM dan pembangunan bercampur adalah baik kerana telah mencapai/menepati dasar Kerajaan Negeri terhadap pemilikan rumah bagi Bumiputera di negeri Terengganu.

1.4.2. Pengurusan Dan Kawalan Kuota Bumiputera

1.4.2.1. Tiada Syarat Pelepasan Unit Kuota Bumiputera

- a. Dasar Kerajaan Negeri menetapkan setiap projek perlu memperuntukkan kuota sekurang-kurangnya 30% kepada Bumiputera tetapi tidak menyatakan syarat-syarat bagi pelepasan kuota Bumiputera sekiranya terdapat unit rumah bagi kuota Bumiputera yang tidak terjual.
- b. Pihak LTAWNT ada menetapkan syarat-syarat pelepasan kuota Bumiputera di dalam Perjanjian Penswastaan atau Perjanjian Usahasama bagi projek-projek LTAWNT sekiranya unit Bumiputera tidak dapat dijual. Semakan Audit terhadap 7 projek LTAWNT melibatkan 3 Perjanjian Penswastaan antara Kerajaan Negeri, LTAWNT dan Pemaju, dan 4 Perjanjian Usahasama antara LTAWNT dan pemaju mendapati 5 projek ada ditetapkan syarat-syarat pelepasan kuota Bumiputera. Manakala 2 projek lagi tidak dinyatakan syarat-syarat pelepasan kuota Bumiputera iaitu Projek Perumahan Pekan Bukit Payong dan Projek Perumahan Kg. Cerang Guling, Marang. Bagaimanapun, syarat-syarat yang ditetapkan dalam perjanjian didapati berbeza antara projek-projek tersebut. Pihak Audit mendapati satu projek LTAWNT iaitu projek perumahan bercampur di Pasir Minal, Binjai, Kemaman telah dimohon pelepasan kuota Bumiputera oleh pemaju pada 27 Februari 2013. Permohonan pelepasan tersebut dibuat setelah 3 kali pengiklanan jualan dibuat di akhbar utama selepas pengiklanan jualan dibuat pada 18 Oktober 2010. LTAWNT telah merujuk kepada Kerajaan Negeri dan telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri melalui surat LTAWNT bertarikh 7 Mei 2013. Pihak Audit mendapati pemaju telah mematuhi syarat pelepasan kuota Bumiputera sebelum permohonan pelepasan dikemukakan kepada Kerajaan Negeri.

- c. Sementara itu, PMINT tidak menetapkan syarat pelepasan kuota Bumiputera bagi unit rumah yang tidak dapat dijual. Bagaimanapun, pihak Pengurusan Tertinggi PMINT perlu dirujuk sebelum dikemukakan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan bagi dibuka untuk jualan unit kuota Bumiputera kepada bukan Bumiputera. Semakan Audit mendapati 2 projek yang dilaksanakan oleh PMINT iaitu Perumahan Gong Badak Fasa 8, Kuala Nerus dan Perumahan KP Perdana, Kuala Terengganu (4 Fasa) telah dirujuk dan mendapat kelulusan pelepasan penjualan kepada bukan Bumiputera daripada pihak Pengurusan Tertinggi PMINT. Rujukan ini dibuat berikutan sasaran penjualan 100% kepada Bumiputera tidak tercapai. Maklumat projek berkaitan adalah seperti di **Jadual 1.6**.

Jadual 1.6
Projek Yang Diluluskan Pelepasan Penjualan Kepada Bukan Bumiputera Oleh PMINT

Bil.	Projek	Bilangan Unit	Bilangan/(Peratusan) Bumiputera	Bilangan/(Peratusan) Bukan Bumiputera
1.	Perumahan Gong Badak Fasa 8, Kuala Nerus	16	13 / (81%)	3 / (19%)
2.	Perumahan KP Perdana, Kuala Terengganu (4 Fasa)	66	48 / (73%)	18 / (27%)

Sumber: Senarai Pembeli Dan Jualan PMINT

- d. **Mengikut maklum balas daripada PMINT bertarikh 29 Februari 2016, pihak PMINT sentiasa memberi keutamaan kepada Bumiputera dalam membuat penawaran pembelian projek yang dibangunkan. Pelepasan kuota Bumiputera tidak dirujuk kepada Kerajaan Negeri kerana PMINT sentiasa memastikan kuota bukan Bumiputera tidak melebihi 30% dan ianya tidak melanggar dasar Kerajaan Negeri.**

1.4.2.2. Tiada Syarat Pindah Hak Milik Unit Kuota Bumiputera

- a. Salah satu aspek penting dalam pengurusan kuota bumiputera adalah bagi memastikan pindahan hak milik Bumiputera kepada bukan Bumiputera dikawal. Kerajaan Negeri hendaklah mensyaratkan dalam dokumen hak milik mengenai sekatan pindah hak milik bagi memastikan perumahan milik Bumiputera terjaga dan dikawal supaya tidak berlaku perpindahan hak milik sewenang-wenangnya.
- b. Semakan Audit mendapati UPEN tidak menetapkan sebarang peraturan dan garis panduan terhadap perpindahan hak milik rumah bagi pembangunan bercampur di mana mekanisme kawalan bagi menyekat pembeli pertama daripada menjual lot Bumiputera kepada pembeli kedua tidak dilaksanakan. Semakan Audit selanjutnya terhadap dokumen hak milik mendapati tiada sekatan hak milik dicatatkan terutamanya bagi hak milik pajakan.
- c. Bagi unit RMM, Unit Perumahan telah menetapkan penjualan kepada pembeli kedua tidak dibenarkan dalam tempoh 10 tahun. Bagaimanapun, penjualan kepada ahli keluarga terdekat akan dipertimbangkan selepas 5 tahun dengan kelulusan Pihak

Berkuasa Negeri. Sekiranya perpindahan hak milik hendak dibuat oleh pembeli pertama maka pembeli kedua mesti daripada golongan yang layak dan tersenarai dalam sistem permohonan di Unit Perumahan. Semakan Audit mendapati tiada perpindahan hak milik bagi RMM dalam tempoh 10 tahun.

- d. **Mengikut maklum balas daripada Unit Perumahan SUK bertarikh 6 Mac 2016, salinan nama pemohon yang layak akan dihantar ke Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri untuk memastikan nama-nama tersebut bersamaan dengan nama di dokumen hak milik yang dikeluarkan.**

Pada pendapat Audit, pengurusan dan kawalan kuota Bumiputera boleh dipertingkatkan dengan menyediakan syarat pelepasan kuota Bumiputera oleh UPEN dan PMINT. Selain itu, UPEN juga perlu menetapkan syarat supaya sekatan hak milik dicatatkan pada dokumen hak milik terutamanya bagi hak milik pajakan.

1.4.3. Pengurusan Dan Pemantauan Kuota Bumiputera

1.4.3.1. Pemantauan Kuota Bumiputera Kurang Memuaskan

- a. Pemantauan yang berterusan adalah penting untuk memastikan kuota Bumiputera bagi projek perumahan yang ditetapkan telah dicapai atau sebaliknya. Pemantauan yang berkesan membolehkan pihak Kerajaan Negeri mengetahui sama ada pemaju telah mematuhi dasar yang ditetapkan.
- b. Semakan Audit mendapati pemantauan pencapaian kuota Bumiputera dan penetapan unit Bumiputera tidak dilakukan oleh UPEN. Pihak Audit mendapati tiada bukti mesyuarat secara berkala berkaitan pemantauan telah dilaksanakan. Selain itu, tidak ada maklum balas dimohon daripada agensi yang terlibat dalam pembangunan harta tanah sama ada Pihak Berkuasa Tempatan atau Badan Berkanun Negeri bagi mengetahui kedudukan kuota Bumiputera tercapai atau sebaliknya. UPEN juga tidak menggariskan fungsi dan peranan secara jelas kepada Seksyen Pembangunan Wilayah yang diberi tanggungjawab menguruskan perumahan bercampur bagi negeri Terengganu. Seksyen ini lebih bertindak/berperanan sebagai urusetia sebelum permohonan pembangunan projek yang diterima daripada pemaju swasta dikemukakan kepada MMKN untuk keputusan.
- c. Semakan Audit mendapati Unit Perumahan, SUK membuat pemantauan terhadap pemilikan RMM bermula daripada permohonan dibuat sehingga pemohon memperolehi rumah. Permohonan dibuat secara atas talian (*online*) ke Unit Perumahan dan pemohon akan ditemu duga bagi mengesahkan butiran maklumat yang diberikan. Senarai nama pembeli yang layak akan dikemukakan kepada pemaju setelah projek perumahan RMM siap dilaksanakan.

- d. **Mengikut maklum balas daripada UPEN bertarikh 3 Mac 2016, UPEN akan meminta pemaju terbabit menyerahkan rekod jualan kepada UPEN dan penyelarasan dengan pihak PTG akan dibuat bagi setiap proses pindah milik bagi projek berkenaan.**

1.4.3.2. Pengurusan Taburan Lot Kuota Bumiputera Tidak Dilaksanakan

Kertas MMKN Bil. 1155/2014 bertarikh 18 Jun 2014 telah menetapkan bahawa taburan/pecahan lot bagi Bumiputera adalah ditentukan oleh pihak UPEN. Semakan Audit terhadap 13 daripada 31 projek yang dilaksanakan oleh LTAWNT dan PMINT mendapati taburan lot bagi Bumiputera tidak ditetapkan oleh UPEN. Pihak UPEN tidak mempunyai maklumat dan data berkaitan taburan lot Bumiputera bagi semua projek yang dilaksanakan oleh pemaju. Hasil temu bual Audit dengan pihak pemaju mendapati taburan lot Bumiputera adalah berdasarkan permintaan dan pilihan pembeli Bumiputera. Pihak pemaju memaklumkan ketetapan lot Bumiputera tidak dapat dibuat sebelum tawaran dibuat kerana pembeli lebih berminat untuk memilih sendiri lokasi lot. Konsep *first come first serve* diamalkan oleh pemaju dalam menetapkan taburan lot Bumiputera. Pihak Audit juga mendapati tidak berlaku sebarang perubahan harga terhadap semua lot rumah berbanding harga yang telah ditetapkan semasa tawaran penjualan dibuka. **Mengikut maklum balas daripada UPEN bertarikh 3 Mac 2016, penetapan taburan lot Bumiputera akan dilaksanakan bagi projek yang akan datang.**

1.4.3.3. Tiada Pengurangan Harga Bumiputera

- a. Pada 17 September 2014, Kerajaan Negeri telah menetapkan kadar harga RMM adalah RM68,000 seunit. Semakan Audit mendapati semua unit RMM telah dijual mengikut kadar yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri dan lebihan tanah bagi unit tepi dinilai oleh Jabatan Penilaian. Manakala harga bagi rumah pelbagai kategori lain telah dimaklumkan kepada Kerajaan Negeri semasa cadangan projek pembangunan dikemukakan. Pemaju juga mengemukakan harga cadangan kepada Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan sebelum harga rumah ditetapkan untuk jualan.
- b. Berdasarkan ketetapan yang diputuskan oleh MMKN, pihak pemaju perlu mengurangkan harga sebanyak 5% bagi penjualan semua kategori unit rumah dan pejabat kecuali RMM kepada pembeli Bumiputera. Semakan Audit mendapati pengurangan harga jualan sebanyak 5% telah mula diluluskan oleh MMKN pada 4 April 2001 melalui keputusan MMKN Bil. 9 Tahun 2001 kepada pembeli yang beragama Islam. Semakan Audit selanjutnya terhadap 7 projek yang dilaksanakan oleh LTAWNT mendapati potongan harga sebanyak 5% telah diberikan kepada pembeli Bumiputera. Potongan harga yang diberi melibatkan seramai 1,477 pembeli Bumiputera bagi 7 projek terlibat.
- c. Semakan Audit di PMINT pula mendapati pengurangan harga yang telah ditetapkan tidak diberi bagi projek yang dilaksanakan oleh PMINT. Semua kategori unit bagi

pembangunan bercampur dijual pada harga yang sama kepada semua pembeli sama ada Bumiputera atau bukan Bumiputera. Ini menyebabkan pembeli bukan Bumiputera juga mendapat keistimewaan harga yang sepatutnya dinikmati oleh Bumiputera sahaja. Hasil temu bual Audit dengan pegawai PMINT mendapati pengurangan harga tidak diberikan kepada pembeli Bumiputera kerana harga yang ditawarkan merupakan harga kompetitif berbanding harga pasaran semasa dengan mengambil kira faktor kenaikan harga bahan binaan. Harga jualan bagi projek yang dilaksanakan oleh PMINT adalah seperti di **Jadual 1.7**.

Jadual 1.7
Harga Jualan Bagi Projek Yang Dilaksanakan Oleh PMINT

Bil.	Projek	Bil. Unit	Kategori Rumah	Harga Jualan (RM)	Potongan Harga 5% (RM)
1.	Perumahan Taman Seri Binjai II, Binjai Rendah, Marang	4	Sesebuah 1 Tingkat	287,300 hingga 302,400	14,365 hingga 15,120
		3	Sesebuah 2 Tingkat	393,400 hingga 396,800	19,670 hingga 19,840
		14	Berkembar 2 Tingkat	280,300	14,015
2.	Perumahan Taman Baiduri, Kuala Berang	11	Berkembar 2 Tingkat	293,220	14,661
3.	Perumahan Permint Putera III, Besut	24	Berkembar 1 Tingkat	235,500	11,775
		2	Berkembar 2 Tingkat	348,500	17,425
4.	Perumahan Gong Badak Fasa 8, Kuala Nerus	16	Sesebuah 2 Tingkat	517,900	25,895
5.	Perumahan KP Perdana, Kuala Terengganu (4 Fasa)	14	Sesebuah 2 Tingkat	475,900 hingga 555,100	23,795 hingga 27,755
		36	Berkembar 2 Tingkat	440,700 hingga 441,800	22,035 hingga 22,090
		8	Berkembar 2 Tingkat	487,300	24,365
		8	Berkembar 2 Tingkat	487,300	24,365
6.	Perumahan Balai Besar Dungun, Terengganu	15	Teres 1 Tingkat	240,000	12,000
		4	Teres 1 1/2 Tingkat	397,750	19,887

Sumber: Minit Mesyuarat Pengurusan Tertinggi PMINT

- d. **Mengikut maklum balas daripada PMINT bertarikh 29 Februari 2016, potongan/diskaun harga sebanyak 5% kepada pembeli Bumiputera telah dilaksanakan bermula dengan projek yang telah dijual pada awal tahun 2016.**

Pada pendapat Audit, pengurusan dan pemantauan kuota Bumiputera adalah kurang memuaskan kerana pemantauan terhadap pencapaian kuota Bumiputera dan penetapan taburan unit Bumiputera tidak dilakukan oleh UPEN. Selain itu, potongan harga sepatutnya diberikan kepada pembeli Bumiputera oleh PMINT selaras dengan dasar Kerajaan Negeri.

1.4.4. Promosi Unit Bumiputera

1.4.4.1. Kerajaan Negeri hendaklah memastikan pihak pemaju perumahan dan agensi Kerajaan Negeri membuat promosi pemasaran yang memaparkan maklumat mengenai tawaran unit Bumiputera dan diskaun yang diberikan kepada pembeli untuk menggalakkan pembelian di kalangan Bumiputera. Semakan dan lawatan Audit ke tapak projek mendapati pemasaran yang dilakukan oleh pihak LTAWNT, PMINT dan pemaju adalah memuaskan bagi memastikan projek yang dimajukan dapat dijual sepenuhnya. Antara kaedah promosi yang dilaksanakan oleh pemaju adalah dengan menyediakan pejabat jualan, iklan di dalam surat khabar, edaran risalah, menggantung kain rentang di tempat awam dan membina papan tanda di tapak projek. Bagaimanapun, iklan yang dipamerkan tidak menyatakan secara khusus tentang unit Bumiputera yang belum dijual. Iklan tersebut hanya menyatakan tentang jualan unit perumahan yang sedang berjalan. Promosi yang dibuat adalah seperti di **Gambar 1.1** hingga **Gambar 1.4**.

Gambar 1.1
Papan Tanda Yang Dibina
Di Tapak Projek



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Binjai, Kemaman
Tarikh: 3 November 2015

Gambar 1.2
Pemasangan Banting Di Tapak
Dan Pejabat Projek



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Bukit Mentok, Kemaman
Tarikh: 3 November 2015

Gambar 1.3
Contoh Risalah Diedarkan Kepada Orang Ramai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bandar Baru Bukit Mentok, Kemaman
Tarikh: 17 Disember 2015

Gambar 1.4



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman KP Perdana, Kuala Terengganu
Tarikh: 17 Disember 2015

1.4.4.2. Mengikut maklum balas PMINT bertarikh 29 Februari 2016, menyatakan keistimewaan Bumiputera dan diskaun tidak dipaparkan pada iklan adalah kerana sememangnya projek yang dibangunkan menasarkan/dikhaskan untuk Bumiputera.

Pada pendapat Audit, aktiviti promosi yang dijalankan adalah memuaskan melalui pelbagai kaedah seperti pemasangan banting dan mendirikan papan tanda di lokasi tertentu serta pengedaran risalah namun perlu dinyatakan mengenai diskaun dan kuota Bumiputera.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pengurusan kuota Bumiputera bagi projek perumahan swasta adalah disyorkan perkara berikut:

1.5.1. Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) perlu menyediakan peraturan dan garis panduan yang jelas dan terperinci dalam pelaksanaan pengurusan kuota Bumiputera dalam aspek keluasan pembangunan projek perumahan dan penetapan harga rumah. UPEN juga perlu menetapkan syarat pelepasan kuota Bumiputera bagi unit Bumiputera yang tidak dapat dijual dan syarat sekatan hak milik perlu dibuat dan dicatatkan pada dokumen tersebut bagi mengelakkan penjualan unit Bumiputera dalam tempoh yang singkat.

1.5.2. UPEN perlu membuat pemantauan secara berkala dan berterusan bagi memastikan dasar Kerajaan Negeri berkaitan peratus pemilikan Bumiputera, taburan lot Bumiputera dan potongan harga dipatuhi oleh pihak pemaju.

1.5.3. Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) perlu melaksanakan potongan/diskaun harga kepada pembeli Bumiputera bagi semua projek perumahan yang belum dijual selaras dengan dasar Kerajaan Negeri.

JABATAN KERJA RAYA DAERAH BESUT
MAJLIS DAERAH HULU TERENGGANU
PEJABAT DAERAH MARANG
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN TERENGGANU

2. PENGURUSAN PENYENGGARAAN JALAN NEGERI

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Jalan Negeri bererti mana-mana jalan awam, selain daripada jalan Persekutuan yang diwartakan mengikut Akta Jalan Persekutuan 1959, yang boleh dilalui oleh orang ramai. Perkara 109(1)(b), Perlembagaan Persekutuan menetapkan Kerajaan Persekutuan memberi pemberian secara khusus kepada Kerajaan Negeri bagi maksud penyenggaraan jalan Negeri. Jumlah pemberian ini adalah berdasarkan jumlah panjang jalan yang didaftarkan dalam *Malaysian Road Records Information System* (MARRIS). Jalan Negeri yang layak mendapat pemberian penyenggaraan terdiri daripada jalan bertaraf *standard*, jalan *sub-standard*, jalan kawasan perumahan kos rendah, jalan lorong belakang dan jalan pertanian/pelancongan/jalan kampung dengan ciri-ciri yang ditetapkan. Jalan Negeri di Negeri Terengganu yang didaftarkan dalam sistem MARRIS sehingga bulan Disember 2015 adalah sepanjang 11,300.483 kilometer. Jalan Negeri ini disenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Terengganu (JKR), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Daerah dan Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS).

2.1.2. Kerja penyenggaraan jalan Negeri dibahagikan kepada 4 kategori iaitu penyenggaraan berkala, biasa, kecemasan dan pencegahan. Antara kerja penyenggaraan bagi 4 kategori tersebut adalah seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Kerja Penyenggaraan Jalan Mengikut Kategori Penyenggaraan Jalan

Bil.	Kategori	Kerja Berkaitan
1.	Penyenggaraan Rutin (Berkala) Kerja penyenggaraan yang dijalankan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan	<ul style="list-style-type: none">• Penyenggaraan <i>pavement</i> (tampal jalan)• Penyenggaraan bahu jalan• Pemotongan rumput• Penyenggaraan perabot jalan• Pembersihan longkang tepi jalan
2.	Penyenggaraan Berkala Kerja yang memerlukan pemeriksaan dan penilaian sebelum dilaksanakan	<ul style="list-style-type: none">• Menyenggara <i>pavement</i> (menurap semula jalan)• Mengganti perabot jalan• Mengecat jalan• Menyenggara persimpangan jalan• Menyenggara pokok di bahu jalan
3.	Penyenggaraan Kecemasan Kerja luar jangka yang memerlukan tindakan segera	<ul style="list-style-type: none">• Pokok tumbang• Jalan mendap• Pembetung dan perparitan runtuh• Tanah/cerun/tembok penahan runtuh
4.	Penyenggaraan Pencegahan Kerja tindakan awal yang perlu dilaksanakan bagi mengekalkan fungsi asal elemen jalan sedia ada yang mana kelewatan akan membahayakan keselamatan pengguna jalan raya.	<ul style="list-style-type: none">• Kajian cerun• Kajian ketahanan jalan• Kajian lalu lintas

Sumber : Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri

2.1.3. Bagi tahun 2013 hingga 2015, peruntukan yang diterima bagi kerja penyenggaraan jalan Negeri masing-masing berjumlah RM138.01 juta, RM146.56 juta dan RM152.59 juta. Maklumat panjang jalan yang disenggarakan oleh jabatan/agensi dan konsesi sehingga Disember 2015 adalah seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2
**Kategori Jalan Negeri Dan Panjang Jalan Yang Disenggarakan Oleh Syarikat Konsesi,
JKR, PBT, Pejabat Daerah Dan JPS Sehingga Bulan Disember 2015**

Bil.	Kategori Jalan	Jarak Jalan Mengikut Agensi Pelaksana (km)					Jumlah Mengikut Kategori Jalan
		Syarikat Konsesi	Jabatan Kerja Raya	Pihak Berkuasa Tempatan	Pejabat Daerah	Jabatan Pengairan Dan Saliran	
1.	Jalan Raya Negeri	2,012.30	3,399.127	401.864	-	-	5,813.291
2.	Jalan Raya Perbandaran	-	-	132.947	-	-	132.947
3.	Lorong Belakang/Lorong Tepi	-	-	56.989	-	-	56.989
4.	Jalan Raya Dalam Kawasan Perumahan Murah	-	11.730	341.837	-	-	353.567
5.	Jalan Kampung	-	1,565.999	413.742	1,466.412		3,446.153
6.	Jalan Pertanian	-	167.346	-	-	1,330.190	1,497.536
Jumlah Mengikut Agensi Pelaksana		2,012.30	5,144.202	1,347.379	1,466.412	1330.190	11,300.483

Sumber: JKR Negeri Terengganu

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada program penyenggaraan jalan Negeri menggunakan geran daripada Kerajaan Persekutuan telah dilaksanakan dengan cekap, berekonomi dan berhemat serta dipantau dengan berkesan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi kerja penyenggaraan jalan Negeri yang menggunakan Akaun Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri bagi tahun 2013 hingga 2015. Pengauditan telah dilaksanakan di JKR Besut, Majlis Daerah Hulu Terengganu (MDHT), Pejabat Daerah Marang (PD Marang) dan Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS). Pengauditan tidak termasuk kerja penyenggaraan yang dijalankan oleh syarikat konsesi. Pemeriksaan dijalankan terhadap rekod dan dokumen berkaitan penyenggaraan jalan di jabatan/agensi yang dinyatakan di atas tidak termasuk penyenggaraan yang dijalankan oleh syarikat konsesi. Lawatan Audit ke jalan yang telah disenggarakan turut dilakukan dengan kerjasama pegawai dari jabatan/agensi pelaksana yang berkaitan. Temu bual dengan kakitangan yang terlibat secara langsung dengan projek dan penduduk setempat turut dilakukan bagi mendapatkan maklum balas dan pengesahan. Pihak Audit juga telah mengedarkan sebanyak 500 borang soal selidik di 3 daerah bagi mendapatkan maklum balas pengguna jalan raya dari aspek keselesaan, kualiti dan keselamatan jalan raya serta cadangan penambahbaikan. *Exit conference* yang diadakan pada 10 Mac 2016 turut dihadiri

oleh Akauntan Negeri, Penolong Pengarah JKR Besut (Bahagian Jalan), dan wakil-wakil daripada PD Marang, JPS dan MDHT.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Secara keseluruhannya pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga Disember 2015 mendapati prestasi perbelanjaan penyenggaraan jalan secara keseluruhan bagi tempoh 2013 hingga 2015 adalah baik iaitu antara 98.9% hingga 111.7%. Manakala pelaksanaan kerja penyenggaraan jalan oleh agensi pelaksana telah mencapai sasaran kerja yang dirancangkan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaannya yang memberi impak kepada prestasi kewangan dan prestasi projek, antaranya adalah seperti berikut:

- Terdapat penggunaan peruntukan Wang Amanah bukan untuk kerja penyenggaraan yang dibenarkan.
- Kualiti kerja penyenggaraan jalan kurang memuaskan.
- Rekod MARRIS belum dikemas kini.

2.4.1. Prestasi Perbelanjaan Penyenggaraan Jalan Keseluruhan Adalah Baik

2.4.1.1. Kementerian Kewangan telah mengeluarkan satu Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri sebagai panduan kepada Kerajaan Negeri dalam urusan penyenggaraan jalan Negeri. Berdasarkan kepada Penyata Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, Kerajaan Negeri telah menerima Pemberian Penyenggaraan Jalan berjumlah RM437.16 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM457.81 juta telah dibelanjakan. Kedudukan terimaan dan perbelanjaan Kumpulan Wang ini sehingga 31 Disember 2015 adalah seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3
Kedudukan Penerimaan Dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri Terengganu Bagi Tempoh Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun	Terimaan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratusan Perbelanjaan (%)	Baki (RM Juta)	Baki Terkumpul (RM Juta)
2013	138.01	136.54	98.9	1.47	243.16
2014	146.56	150.74	102.8	- 4.18	238.98
2015	152.59	170.53	111.7	-17.94	221.05
Jumlah	437.16	457.81	104.7		

Sumber: Penyata Kumpulan Wang Amanah, Pejabat Perbendaharaan Negeri

2.4.1.2. Semakan Audit mendapati peruntukan yang diterima oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri diagihkan kepada jabatan/agensi pelaksana iaitu JKR, JPS, PBT dan Pejabat Daerah bagi menampung kos penyenggaraan jalan Negeri. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, sejumlah RM467.56 juta peruntukan telah diagihkan kepada jabatan/agensi pelaksana bagi kerja penyenggaraan jalan Negeri iaitu RM143.82 juta pada tahun 2013, RM169.93 juta (tahun 2014) dan RM153.81 juta (tahun 2015). Daripada peruntukan tersebut, sejumlah RM457.81 juta atau 97.9% telah dibelanjakan iaitu RM136.54 juta pada tahun 2013, sejumlah RM150.74 juta (tahun 2014) dan sejumlah RM170.53 juta (tahun 2015). Prestasi perbelanjaan jabatan/agensi pelaksana bagi tempoh tersebut menunjukkan peningkatan dari 88.7% pada tahun 2014 kepada 110.9% pada tahun 2015. Maklumat mengenai peruntukan yang diagihkan dan dibelanjakan oleh jabatan/agensi pelaksana adalah seperti di **Jadual 2.4**.

Jadual 2.4
Pengagihan Dan Perbelanjaan Penyenggaraan Jalan Negeri Kepada Jabatan/Agensi Pelaksana Bagi Tempoh Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun	Peruntukan Yang Diagihkan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Baki Peruntukan (RM Juta)	Prestasi (%)
2013	143.82	136.54	7.28	94.9
2014	169.93	150.74	19.19	88.7
2015	153.81	170.53	-16.72	110.9
Jumlah	467.56	457.81	9.75	97.9

Sumber: Penyata Kumpulan Wang Amanah, Pejabat Perbendaharaan Negeri

2.4.1.3. Secara keseluruhannya, prestasi perbelanjaan jabatan/agensi pelaksana bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 adalah baik iaitu antara 72.2% hingga 129.3%. Maklumat mengenai prestasi perbelanjaan penyenggaraan jalan raya Negeri bagi JKR Besut, PD Marang, MDHT dan JPS adalah seperti di **Jadual 2.5**.

Jadual 2.5
Peruntukan Diterima Dan Dibelanjakan Oleh JKR Besut, PD Marang, MDHT Dan JPS Negeri Bagi Tempoh Tahun 2013 Hingga 2015

Bil.	Agensi Pelaksana	Tahun	Terimaan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Baki*		Prestasi
					Semasa (RM)	(%) Terkumpul (RM)	
1.	JKR Besut	2013	2,425,000	2,424,816	184	124,024	99.9
		2014	1,400,000	1,523,963	-123,963	61	108.9
		2015	5,700,000	5,663,985	36,015	160,076	99.4
2.	PD Marang	2013	1,400,000	1,334,305	65,695	147,572	95.3
		2014	4,400,000	3,747,358	652,642	800,214	85.2
		2015	3,750,000	4,382,195	- 632,195	168,019	116.9
3.	MDHT	2013	1,962,467	1,962,467	0	0	100
		2014	1,898,225	1,898,225	0	0	100
		2015	1,700,000	1,696,879	3,121	3,121	99.8
4.	JPS Negeri	2013	100,000	99,622	378	378	99.6
		2014	1,580,000	1,140,650	439,350	439,728	72.2
		2015	1,500,000	1,939,112	- 439,112	616	129.3

Sumber: Rekod Pejabat Perbendaharaan Negeri Dan Bahagian Kerajaan Tempatan SUK

Nota: *- Baki peruntukan terkumpul wujud disebabkan oleh peruntukan yang tidak dibelanjakan bagi beberapa tahun sebelumnya.

2.4.1.4. Analisis Audit menunjukkan peratus perbelanjaan penyenggaraan jalan oleh JKR Besut, PD Marang, MDHT dan JPS Negeri adalah antara 72.2% hingga 129.3% bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015. Jumlah perbelanjaan bagi JKR Besut pada tahun 2014, PD Marang dan JPS Negeri pada tahun 2015 melebihi daripada peruntukan yang diterima dengan peratus perbelanjaan masing-masing sebanyak 108.9%, 116.9% dan 129.3%. Lebihan perbelanjaan ini dibiayai daripada baki Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan bagi tahun sebelumnya. Manakala, PD Marang mencatatkan baki terkumpul yang tertinggi sejumlah RM0.17 juta pada akhir tahun 2015.

2.4.1.5. Menurut maklum balas Perbendaharaan Negeri bertarikh 2 Mac 2016, Kerajaan Negeri menerima peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan berdasarkan prestasi perbelanjaan tahun sebelumnya. Lebihan perbelanjaan adalah disebabkan akaun Kumpulan Wang Amanah masih berbaki sejumlah RM221.05 juta (sehingga 31 Disember 2015). Lebihan ini adalah daripada peruntukan tahun-tahun sebelum ini yang tidak habis dibelanjakan.

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri adalah baik di mana trend perbelanjaan mencapai 111.7% pada tahun 2015. Bagaimanapun, baki terkumpul Kumpulan Wang pada akhir tahun 2015 berjumlah RM221.05 juta.

2.4.2. Pelaksanaan Kerja Penyenggaraan Jalan Oleh Agensi Pelaksana Mencapai Sasaran

2.4.2.1. Pencapaian sasaran kerja penyenggaraan jalan dinilai daripada kemajuan kerja yang telah dilaksanakan oleh pihak kontraktor yang dilantik sama ada secara lantikan terus, sebut harga dan tender terbuka. Pada peringkat perancangan, semua jalan yang dijangka akan disenggarakan dan anggaran perbelanjaan yang terlibat ditentukan oleh jabatan/agensi pelaksana dan dikemukakan kepada Pejabat Perbendaharaan Negeri. Perbendaharaan Negeri akan menyalurkan peruntukan kepada setiap jabatan/agensi pelaksana berdasarkan perancangan tersebut setelah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan.

2.4.2.2. Jabatan/agensi pelaksana hendaklah melaksanakan projek penyenggaraan yang dirancang bagi memastikan keadaan jalan yang selamat dan selesa. Semakan Audit terhadap perancangan dan pelaksanaan kerja penyenggaraan jalan di JKR Besut, PD Marang, MDHT dan JPS Negeri bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti berikut:

a. JKR Besut

JKR Besut telah membuat perancangan awal untuk melaksanakan sebanyak 153 projek dengan kos berjumlah RM35.90 juta bagi tempoh 2013 hingga 2015. Bagaimanapun, peruntukan yang diterima daripada Perbendaharaan Negeri adalah berjumlah RM9.53 juta. Kekurangan peruntukan yang diterima, perancangan

pelaksanaan projek telah disemak semula. Berdasarkan semakan semula, sebanyak 70 projek dirancangkan untuk dilaksanakan bagi tempoh 2013 hingga 2015. Daripada jumlah tersebut, JKR Besut telah melaksanakan sebanyak 20 kerja penyenggaraan berjumlah RM2.30 juta pada tahun 2013, 14 kerja (RM1.45 juta) pada tahun 2014 dan 36 kerja (RM5.65 juta) pada tahun 2015 dengan pencapaian prestasi kerja adalah 100%. Perancangan dan pelaksanaan kerja penyenggaraan jalan bagi JKR Besut adalah seperti di **Jadual 2.6. Menurut maklum balas JKR Besut bertarikh 10 Mac 2016, pelaksanaan kerja penyenggaraan berjaya dicapai berdasarkan peruntukan yang diterima.**

Jadual 2.6
Perancangan Dan Pelaksanaan Kerja Penyenggaraan Jalan
Oleh JKR Besut Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun	Rancang		Laksana		Peratusan Bil. Kerja Yang Dilaksanakan (%)
	(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)	
2013	20	2.30	20	2.30	100
2014	14	1.45	14	1.45	100
2015	36	5.65	36	5.65	100
Jumlah	70	9.40	70	9.40	100

Sumber: Rekod Penyenggaraan Jalan JKR Besut

Nota: Jumlah panjang jalan yang dirancang atau dilaksanakan tidak dibekalkan oleh agensi.

b. Pejabat Daerah Marang

PD Marang merancang untuk menjalankan kerja penyenggaraan sebanyak 30 projek melibatkan kos sejumlah RM1.46 juta pada tahun 2013, 54 projek melibatkan kos sejumlah RM4.50 juta pada tahun 2014 dan 68 projek melibatkan kos sejumlah RM3.75 juta pada tahun 2015. Daripada jumlah tersebut, PD Marang telah melaksanakan kesemua kerja penyenggaraan sebagaimana yang dirancang pada tahun 2013 dan 2015. Manakala pada tahun 2014, PD Marang telah berjaya melaksanakan kerja penyenggaraan jalan melebihi sasaran iaitu sebanyak 55 berbanding 54 (101.8%) kerja penyenggaraan yang disasarkan. Perancangan dan pelaksanaan kerja penyenggaraan jalan bagi PD Marang adalah seperti di **Jadual 2.7. Menurut maklum balas PD Marang bertarikh 7 Mac 2016, pelaksanaan kerja penyenggaraan berjaya dicapai sepermula yang dirancang.**

Jadual 2.7
Perancangan Dan Pelaksanaan Kerja Penyenggaraan Jalan
Oleh PD Marang Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun	Rancang		Laksana		Peratusan Bil. Kerja Yang Dilaksanakan (%)
	(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)	
2013	30	1.46	30	1.33	100.0
2014	54	4.50	55	4.41	101.8
2015	68	3.75	68	3.23	100.0
Jumlah	152	9.71	153	8.97	100.7

Sumber: Rekod Penyenggaraan Jalan PD Marang

Nota: Jumlah panjang jalan yang dirancang atau dilaksanakan tidak dibekalkan oleh agensi.

c. Majlis Daerah Hulu Terengganu

MDHT merancang untuk menjalankan kerja penyenggaraan sebanyak 35 projek melibatkan kos sejumlah RM1.00 juta pada tahun 2013, 61 projek melibatkan kos sejumlah RM1.92 juta pada tahun 2014 dan 22 projek melibatkan kos sejumlah RM1.70 juta pada tahun 2015. Daripada jumlah tersebut, MDHT telah melaksanakan kesemua kerja penyenggaraan sebagaimana yang dirancang pada tahun 2013 dan 2014. Pada tahun 2015 pula, MDHT telah berjaya melaksanakan kerja penyenggaraan jalan melebihi sasaran iaitu sebanyak 24 berbanding 22 (109.1%) kerja penyenggaraan yang disasarkan. Perancangan dan pelaksanaan kerja penyenggaraan jalan bagi MDHT adalah seperti di **Jadual 2.8. Menurut maklum balas MDHT bertarikh 7 Mac 2016, pelaksanaan kerja penyenggaraan berjaya dicapai sepetimana yang dirancang.**

Jadual 2.8
Perancangan Dan Pelaksanaan Kerja Penyenggaraan Jalan
Oleh MDHT Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun	Rancang		Laksana		Peratusan Bil. Kerja Yang Dilaksanakan (%)
	(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)	
2013	35	1.00	35	1.00	100.0
2014	61	1.92	61	1.90	100.0
2015	22	1.70	24	1.70	109.1
Jumlah	118	4.62	120	4.60	101.7

Sumber: Rekod Penyenggaraan Jalan MDHT

Nota: Jumlah panjang jalan yang dirancang atau dilaksanakan tidak dibekalkan oleh agensi.

d. JPS Negeri

Mulai tahun 2013, JPS Negeri telah dipertanggungjawabkan untuk mendaftarkan jalan pertanian di negeri Terengganu dalam sistem MARRIS dan diberi peruntukan melaksanakan kerja penyenggaraan ke atas jalan pertanian tersebut. Bagi tempoh 2013 hingga 2015, JPS telah melaksanakan sebanyak 49 kerja penyenggaraan jalan dengan kos berjumlah RM3.18 juta. Semakan Audit mendapati JPS telah melaksanakan kerja penyenggaraan jalan sebanyak 4 projek dengan kos sejumlah RM0.10 juta pada tahun 2013 dan 19 kerja dengan kos sejumlah RM1.52 juta pada tahun 2014 dengan menggunakan peruntukan daripada Kumpulan Wang Amanah yang diberikan oleh pihak Perbendaharaan Negeri masing-masing berjumlah RM0.10 juta dan RM1.58 juta. Pada tahun 2015, jumlah peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Negeri berjumlah RM1.50 juta berbanding jumlah permohonan sejumlah RM6.35 juta bagi melaksanakan 62 kerja. Berdasarkan peruntukan yang diterima, JPS telah berjaya melaksanakan sebanyak 26 kerja penyenggaraan jalan yang dirancang melibatkan kos sejumlah RM1.56 juta. Perancangan dan pelaksanaan kerja penyenggaraan jalan bagi JPS adalah seperti di **Jadual 2.9. Menurut maklum balas JPS bertarikh 9 Mac 2016, pelaksanaan kerja penyenggaraan berjaya dicapai berdasarkan peruntukan yang diluluskan.**

Jadual 2.9
Perancangan Dan Pelaksanaan Kerja Penyenggaraan Jalan
Oleh JPS Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun	Rancang		Laksana		Peratusan Bil. Kerja Yang Dilaksanakan (%)
	(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)	
2013	-	0.10	4	0.10	100.0
2014	-	1.58	19	1.52	100.0
2015	62	6.35	26	1.56	41.9
Jumlah	62	8.03	49	3.18	79.0

Sumber: Rekod Penyenggaraan Jalan JPS Negeri

Nota: Jumlah panjang jalan yang dirancang atau dilaksanakan tidak dibekalkan oleh agensi.

2.4.2.3. Beberapa contoh kerja yang telah dirancang oleh JKR Besut dan JPS tidak dapat dilaksanakan disebabkan peruntukan yang dipohon untuk kerja penyenggaraan tidak diluluskan sepenuhnya adalah seperti di **Jadual 2.10**.

Jadual 2.10
Kerja Yang Dirancang Tidak Dapat Dilaksanakan

Bil.	Agensi Pelaksana	Butiran Kerja	Anggaran Kos (RM Juta)
1.	JKR Besut	Membaru muka Jalan Di Laluan Jertih/Keruak Memperelok Simpang Kg. Pasir Akar Mengecat Garisan Jalan Di Jalan Alor Lintang/Batu Tumbuh Memasang Tiang Kilometer Di Laluan Jalan Jertih-Keruak Mengganti Papan Tanda Rosak Di Laluan Jertih/Keruak Mengecat Jambatan Di Laluan Jertih/Keruak	0.50 0.20 0.20 0.20 0.30 0.20
2.	JPS Negeri	Kerja-kerja Menaik taraf Jalan Ladang Dengan Crusher Run Di Saliran Pertanian Pechah Kuali, Kemaman Kerja-kerja Naik taraf Jalan Ladang Guntung Dalam Serta Berkaitan Dalam Kawasan Skim Pengairan Guntung Dalam, Setiu Kerja-kerja Naik taraf Jalan Pertanian Kelompok Bukit Kecil, Kubang Puyu Chalok, Setiu Kerja-kerja Menaik taraf Jalan Ladang Dan Kerja-kerja Berkaitan Di Skim Pengkalan Nangka, Besut Kerja-kerja Menaik taraf Jalan Ladang Dan Kerja-kerja Berkaitan Di Kawasan Baruh Air Terjun, Gong Penaga Dan Padang Luas Dalam, Besut Naik taraf Jalan Ladang Skim Padi Di Bukit Kulim/Tuman Kerja-kerja Naik taraf Jalan Ladang Kg. Kubang tepak Di Rancangan Pengairan Nerus, Kuala Terengganu Kerja-kerja Menaik taraf Jalan Ladang Serta Kerja-kerja Berkaitan Di Skim Pengairan Che Lijah	0.10 0.20 0.10 0.20 0.20 0.20 0.20 0.15

Sumber: Rekod Perancangan Kerja Penyenggaraan Jalan JKR Besut dan JPS Negeri

2.4.2.4. Berdasarkan Maklum balas daripada Perbendaharaan Negeri bertarikh 2 Mac 2016, kriteria yang digunakan bagi menentukan jumlah agihan kepada agensi pelaksana ialah Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan; Keperluan Dan Keutamaan Projek; Prestasi Perbelanjaan Agensi Tahun Sebelumnya; Dan Kedudukan Aliran Tunai Negeri.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya peratus prestasi pelaksanaan kerja oleh agensi/jabatan pelaksana bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 berbanding perancangan adalah baik iaitu antara 79% hingga 101.7%.

2.4.3. Penggunaan Peruntukan Wang Amanah Bukan Untuk Kerja Penyenggaraan

Peruntukan yang diterima hendaklah digunakan bagi tujuan penyenggaraan seperti mana yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri. Semakan Audit mendapati terdapat kerja penyenggaraan yang telah dilakukan oleh jabatan/agensi pelaksana tidak mematuhi/menepati kategori kerja yang dinyatakan dalam Garis Panduan. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, sebanyak 297 kerja penyenggaraan jalan telah dilaksanakan oleh JKR Besut, PD Marang, MDHT dan JPS yang melibatkan kos sejumlah RM22.94 juta. Daripada 297 kerja tersebut, sebanyak 160 atau 53.9% didapati tidak mematuhi/menepati kategori kerja yang dinyatakan dalam Garis Panduan. Maklumat perbelanjaan dan kerja yang dilaksanakan adalah seperti di **Jadual 2.11**.

Jadual 2.11
Perbelanjaan Ke Atas Kerja Yang Mematuhi Dan Tidak Mematuhi Garis Panduan

Agensi Pelaksana	Kerja Yang Mematuhi Garis Panduan		Kerja Yang Tidak Mematuhi Garis Panduan		Bil. Kerja Mematuhi Garis Panduan (%)
	Bil. Projek	(RM Juta)	Bil. Projek	(RM Juta)	
JKR Besut	42	4.19	28	5.21	60.0
PD Marang	23	1.43	76	5.16	23.2
MDHT	39	1.37	40	2.40	49.4
JPS Negeri	33	1.50	16	1.68	67.3
Jumlah	137	8.49	160	14.45	46.1

Sumber: Rekod Penyenggaraan Jalan di Agensi Pelaksana

2.4.3.1. JKR Besut

- a. JKR Besut melaksanakan 70 projek yang melibatkan kos sejumlah RM9.40 juta dengan menggunakan peruntukan kumpulan Wang Amanah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 42 projek (RM4.19 juta) merupakan kerja penyenggaraan yang mematuhi/menepati kategori kerja yang dinyatakan dalam Garis Panduan. Manakala sebanyak 28 projek (RM5.21 juta) adalah kerja yang tidak mematuhi Garis Panduan kerana bukan merupakan kerja penyenggaraan sebaliknya merupakan kerja pembinaan baharu atau menaik taraf kemudahan sedia ada. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, trend perbelanjaan ke atas kerja penyenggaraan yang dilakukan selaras dengan pematuhan Garis Panduan adalah menurun iaitu dari 95% pada tahun 2013 menurun kepada 41.7% pada tahun 2015. Maklumat perbelanjaan dan kerja yang dilakukan adalah seperti di **Jadual 2.12**. Antara Kerja yang tidak mematuhi Garis Panduan adalah seperti di **Gambar 2.1** hingga **Gambar 2.6**.

Jadual 2.12
Perbelanjaan Ke Atas Kerja Yang Mematuhi Dan
Tidak Mematuhi Garis Panduan Oleh JKR Besut

Tahun	Kerja Yang Mematuhi Garis Panduan		Kerja Tidak Mematuhi Garis Panduan		Bil. Kerja Mematuhi Garis Panduan (%)
	Bil. Projek	(RM Juta)	Bil. Projek	(RM Juta)	
2013	19	2.10	1	0.20	95.0
2014	8	0.34	6	1.11	57.1
2015	15	1.75	21	3.90	41.7
Jumlah	42	4.19	28	5.21	60.0

Sumber: Rekod Penyenggaraan Jalan di JKR Besut

Gambar 2.1
Antara Lampu Yang Dibekal
Dan Dipasangkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pekan Kuala Besut
Tarikh: 12 Januari 2016

Gambar 2.2
Bulatan Jalan Yang Siap Dibina
Berserta Lampu Pencahayaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Simpang 4, Demong/Bukit Keluang Besut
Tarikh: 13 Januari 2016

Gambar 2.3
Kerja Membina Longkang 'U'
Sedang Dilaksanakan



Sumber: JKR Besut
Lokasi: Kampung Pengkalan Setol, Besut

Gambar 2.4
Longkang Yang Telah
Siap Dibina



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Pengkalan Setol, Besut
Tarikh: 12 Januari 2016

**Gambar 2.5
Jalan Sedia Ada Yang
Belum Diperelok**



Sumber: JKR Besut
Lokasi: Felda Tenang, Jalan Jerteh/Keruak, Besut
Tarikh: 08 September 2015

**Gambar 2.6
Jalan Telah Siap Diperelok
Dan Dilebarkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Felda Tenang, Jalan Jerteh/Keruak, Besut
Tarikh: 13 Januari 2016

- b. **Menurut maklum balas JKR Besut bertarikh 10 Mac 2016, pelaksanaan kerja-kerja tersebut dijalankan kerana mengambilkira faktor-faktor keselamatan dan keselesaan kepada pengguna.**

2.4.3.2. Pejabat Daerah Marang

- a. PD Marang melaksanakan 153 projek yang melibatkan kos sejumlah RM8.97 juta dengan menggunakan peruntukan kumpulan Wang Amanah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 99 projek telah dibuat semakan di mana 23 projek (RM1.43 juta) merupakan kerja yang mematuhi/menepati kategori kerja yang dinyatakan dalam Garis Panduan. Manakala sebanyak 76 projek (RM5.16 juta) adalah kerja yang tidak mematuhi Garis Panduan dan tidak dibenarkan untuk dibiayai dengan menggunakan Kumpulan Wang Amanah. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, trend perbelanjaan bagi kerja penyenggaraan yang dilakukan selaras dengan pematuhan Garis Panduan adalah rendah sehingga mencapai 10.9% pada tahun 2014. Maklumat perbelanjaan dan kerja yang dilakukan adalah seperti di **Jadual 2.13**. Antara Kerja yang tidak mematuhi Garis Panduan adalah seperti **Gambar 2.7** dan **Gambar 2.8**.

**Jadual 2.13
Perbelanjaan Ke Atas Kerja Yang Mematuhi Dan
Tidak Mematuhi Garis Panduan Oleh PD Marang**

Tahun	Kerja Yang Mematuhi Garis Panduan		Kerja Tidak Mematuhi Garis Panduan		Bil. Kerja Mematuhi Garis Panduan (%)
	Bil. Projek	(RM Juta)	Bil. Projek	(RM Juta)	
2013	13	0.55	11	0.54	54.2
2014	6	0.58	49	3.83	10.9
2015	4	0.30	16	0.79	20.0
Jumlah	23	1.43	76	5.16	23.2

Sumber: Rekod Penyenggaraan Jalan di PD Marang

Gambar 2.7
Jalan Dataran Yang Telah Siap Dibina



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Surau Tokki Rosdi, Marang
Tarikh: 7 Oktober 2015

Gambar 2.8
Jalan Dataran Yang Telah Siap Dibina



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Depot Majlis Daerah Marang
Tarikh: 11 Oktober 2015

- b. **Menurut maklum balas PD Marang bertarikh 7 Mac 2016, PD Marang akan memastikan kerja-kerja yang dilakukan adalah selaras dengan Garis Panduan pada masa hadapan.**

2.4.3.3. Majlis Daerah Hulu Terengganu

- a. MDHT melaksanakan 120 projek yang melibatkan kos sejumlah RM4.60 juta dengan menggunakan peruntukan kumpulan Wang Amanah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 79 projek telah dibuat semakan di mana sebanyak 39 projek (RM1.37 juta) merupakan kerja penyenggaraan yang mematuhi/menepati kategori kerja yang dinyatakan dalam Garis Panduan. Manakala sebanyak 40 projek (RM2.40 juta) adalah kerja yang tidak mematuhi Garis Panduan dan tidak dibenarkan untuk dibiayai dengan menggunakan Kumpulan Wang Amanah. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, didapati trend perbelanjaan ke atas kerja penyenggaraan yang dilakukan selaras dengan pematuhan Garis Panduan menunjukkan peningkatan iaitu daripada 39.1% pada tahun 2013 meningkat kepada 59.1% pada tahun 2015. Maklumat perbelanjaan dan kerja yang dilakukan adalah seperti di **Jadual 2.14**. Antara Kerja yang tidak mematuhi Garis Panduan seperti pembinaan jalan baru adalah seperti di **Gambar 2.9** hingga **Gambar 2.12**.

Jadual 2.14
Perbelanjaan Ke Atas Kerja Yang Mematuhi Dan Tidak Mematuhi Garis Panduan Bagi MDHT

Tahun	Kerja Yang Mematuhi Garis Panduan		Kerja Tidak Mematuhi Garis Panduan		Bil. Kerja Mematuhi Garis Panduan (%)
	Bil. Projek	(RM Juta)	Bil. Projek	(RM Juta)	
2013	9	0.18	14	0.58	39.1
2014	17	0.38	17	0.98	50.0
2015	13	0.81	9	0.84	59.1
Jumlah	39	1.37	40	2.40	49.4

Sumber: Rekod Penyenggaraan Jalan di MDHT

Gambar 2.9
Kawasan Yang Belum Dibina Jalan
Sebelum



Sumber: Majlis Daerah Hulu Terengganu
Lokasi: Jalan Di Jongok Setar, Bersebelahan Highway LPT Ajil
Tarikh: 15 September 2014

Gambar 2.11
Kawasan Yang Belum Dibina Jalan
Sebelum



Sumber: Majlis Daerah Hulu Terengganu
Lokasi: Jalan Di Tanah Lot Bukit Apil,
Hulu Terengganu
Tarikh: 17 September 2014

Gambar 2.10
Jalan Baru Yang Telah Siap Dibina
Selepas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Di Jongok Setar, Bersebelahan Highway LPT Ajil
Tarikh: 21 Oktober 2015

Gambar 2.12
Jalan Baru Yang Telah Siap Dibina



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Di Tanah Lot Bukit Apil,
Hulu Terengganu
Tarikh: 8 November 2015

- b. Menurut maklum balas MDHT bertarikh 7 Mac 2016, MDHT mengakui telah menggunakan sebahagian peruntukan Kumpulan Wang Amanah bagi kerja bukan penyenggaraan jalan akibat daripada kekangan peruntukan serta kurang pendedahan kepada pegawai mengenai garis panduan yang dikeluarkan. Pihak MDHT akan sentiasa memberi perhatian dan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap kelemahan dalam pengurusan Kumpulan Wang Amanah dari semasa ke semasa.

2.4.3.4. JPS Negeri

- a. Semakan Audit mendapati JPS Negeri telah melaksanakan 49 projek yang melibatkan kos sejumlah RM3.18 juta dengan menggunakan peruntukan kumpulan Wang Amanah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 33 projek (RM1.50 juta) merupakan kerja penyenggaraan yang mematuhi/menepati kategori kerja yang dinyatakan dalam Garis Panduan. Manakala sebanyak 16 projek (RM1.68 juta)

adalah kerja yang tidak mematuhi Garis Panduan dan dibenarkan untuk dibiayai dengan menggunakan Kumpulan Wang Amanah. Maklumat perbelanjaan dan kerja yang dilakukan adalah seperti di **Jadual 2.15**. Antara Kerja yang tidak mematuhi Garis Panduan seperti menaik taraf jalan adalah seperti di **Gambar 2.13** hingga **Gambar 2.16**.

Jadual 2.15
Perbelanjaan Ke Atas Kerja Yang Mematuhi Dan
Tidak Mematuhi Garis Panduan Bagi JPS Negeri

Tahun	Kerja Yang Mematuhi Garis Panduan		Kerja Tidak Mematuhi Garis Panduan		Bil. Kerja Mematuhi Garis Panduan (%)
	Bil. Projek	(RM Juta)	Bil. Projek	(RM Juta)	
2013	3	0.07	1	0.03	75.0
2014	6	0.11	13	1.41	31.6
2015	24	1.32	2	0.24	92.3
Jumlah	33	1.50	16	1.68	67.3

Sumber: Rekod Penyenggaraan Jalan di JPS

Gambar 2.13



Sumber: JPS
Lokasi: Jalan di Skim Pengairan Paya Paman, Kemaman, Terengganu

Gambar 2.14



Sumber: JPS
Lokasi: Jalan di Skim Pengairan Paya Paman, Kemaman, Terengganu

Gambar 2.15



Sumber: JPS
Lokasi: Jalan di Skim Pengairan Gaung, Hulu Terengganu

Gambar 2.16



Sumber: JPS
Lokasi: Jalan di Skim Pengairan Gaung, Hulu Terengganu

- b. Menurut maklum balas JPS bertarikh 9 Mac 2016, terdapat sedikit kekeliruan dan kelemahan pada peringkat awal pelaksanaan bagi peruntukan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan kerana Jabatan juga ada menerima peruntukan untuk kerja membina dan menaiktaraf jalan ladang daripada Bahagian Pengairan Dan Saliran Pertanian (Kementerian Pertanian Dan Asas Tani). Bagaimanapun, Jabatan telah mengadakan beberapa siri bengkel dan mesyuarat penyelarasan bagi menyelesaikan masalah yang berbangkit.

Pada pendapat Audit, penggunaan wang amanah bagi tujuan selain yang digariskan adalah satu ketidakpatuhan yang perlu dielakkan pada masa akan datang.

2.4.4. Kualiti Kerja Penyenggaraan Jalan Kurang Memuaskan

2.4.4.1. Kerja penyenggaraan jalan hendaklah dijalankan dengan sempurna dan mengikut spesifikasi kerja yang ditetapkan. Agensi pelaksana bertanggungjawab untuk memantau kerja-kerja penyenggaraan yang dijalankan oleh pihak kontraktor.

2.4.4.2. Semakan Audit mendapati kerja penyenggaraan yang disiapkan oleh pihak kontraktor telah diperakui sempurna oleh jabatan/agensi pelaksana. Bagaimanapun, hasil lawatan Audit bersama-sama pegawai jabatan/agensi pelaksana yang berkaitan mendapati jalan yang disenggarakan telah mengalami kerosakan seperti berikut:

- a. Lawatan Audit pada 4 November 2015 di Kg. Jongok Setar Ajil dan Kg. Tengkawang, Hulu Terengganu mendapati jalan kampung yang telah disiapkan berlaku kerosakan struktur permukaan jalan seperti di **Gambar 2.17** dan **Gambar 2.18**. Selepas teguran Audit, kerja membaikpulih jalan berkenaan telah dijalankan oleh pihak kontraktor seperti di **Gambar 2.19** dan **2.20**.

Gambar 2.17
Permukaan Jalan Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jln Kg Jongok Setar Ajil, Hulu Terengganu
Tarikh: 4 November 2015

Gambar 2.18
Permukaan Jalan Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Kg Tengkawang, Hulu Terengganu
Tarikh: 4 November 2015

Gambar 2.19
Jalan Telah Diambil Tindakan Baikpulih



Sumber: Majlis Daerah Hulu Terengganu
Lokasi: Jln Kg Jongok Setar Ajil, Hulu Terengganu
Tarikh: 12 Disember 2015

Gambar 2.20



Sumber: Majlis Daerah Hulu Terengganu
Lokasi: Jalan Kg Tengkawang, Hulu Terengganu
Tarikh: 12 Disember 2015

- b. Semakan Audit ke atas daftar MARRIS mendapati jalan di Skim Saliran Anak Ikan, Besut dan Skim Pengairan Lembah Setiu didaftarkan di bawah kategori *Surface Road Type II* (SRT II). Di bawah kategori ini, kerja penyenggaraan yang dilakukan perlulah mengambil kira ketebalan minimum lapisan *Gravel* setebal 100mm. Semakan lanjut mendapati kerja penyenggaraan di kedua-dua jalan tersebut melibat kerja membekal, merata dan memampat *crusher run* setebal 100mm x 3m melibatkan kos sejumlah RM83,600 dan RM92,990. Lawatan Audit pada 10 dan 11 Januari 2016 di skim pengairan berkenaan mendapati penyenggaraan jalan tersebut yang siap masing-masing pada 20 Oktober 2015 dan 21 Mei 2015 telah mengalami kerosakan di mana *crusher run* dan *quarry dust* yang dibekalkan telah tidak kelihatan lagi seperti di **Gambar 2.21** hingga **Gambar 2.24**.

Gambar 2.21
Keadaan Jalan Selepas Siap Disenggara Pada 20.10.2015



Sumber: JPS Besut
Lokasi: Jln Ladang Tok Dor Dalam, Besut

Gambar 2.22
Keadaan Jalan Yang Rosak Selepas 3 Bulan Disenggara



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jln Ladang Tok Dor Dalam, Besut
Tarikh: 11 Januari 2016

Gambar 2.23
Kerja-kerja Penyenggaraan Jalan
Yang Telah Siap Dilaksanakan



Sumber: JPS Setiu
Lokasi: Skim Pengairan Lembah Setiu, Kg Tasek

Gambar 2.24
Jalan Yang Telah Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Skim Pengairan Lembah Setiu, Kg. Tasek
Tarikh: 10 Januari 2016

2.4.4.3. Kawasan limpahan air dan laluan oleh kenderaan berat telah menyebabkan permukaan jalan mengalami kerosakan. Kesannya, kerja-kerja penyenggaraan jalan yang dilaksanakan tidak bertahan lama dan tidak memberi keselesaan kepada pengguna jalan raya. **Menurut maklum balas MDHT bertarikh 7 Mac 2016, kerosakan disebabkan oleh kerja pengorekan oleh pihak syarikat utiliti yang tidak memohon keizinan lalu. Pihak MDHT akan sentiasa memantau segala projek pengorekan oleh pihak syarikat utiliti dalam kawasan operasi Majlis. Menurut maklum balas JPS bertarikh 9 Mac 2016, pelaksanaan kerja telah dibuat mengikut spesifikasi yang ditetapkan, namun kerosakan yang berlaku disebabkan jalan tersebut menjadi laluan utama kepada jentera pertanian dan berada di kawasan rendah atau kawasan banjir.**

Pada pendapat Audit, kerja penyenggaraan jalan perlulah mengambil kira kaedah penyelesaian yang terbaik supaya jalan yang dibina dapat bertahan lama.

2.4.5. Rekod MARRIS Belum Dikemas Kini Dengan Sempurna

2.4.5.1. Sistem MARRIS digunakan bagi tujuan merekodkan data jalan raya di seluruh negeri merangkumi Jalan Negeri, Jalan Perbandaran, Jalan Kawasan Perumahan Murah, Lorong Belakang dan Jalan Pertanian. Sehingga bulan Disember 2015, jumlah panjang jalan negeri di seluruh negeri Terengganu yang didaftarkan dalam sistem MARRIS adalah 11,300.483 km yang meliputi 892.47 km disenggarakan oleh JKR Besut, 101.716 km yang disenggarakan oleh PD Marang, 83.450 km disenggarakan oleh MDHT dan 1,330.190 km disenggarakan oleh JPS Negeri.

2.4.5.2. Semakan Audit mendapati pendaftaran jalan dalam sistem MARRIS belum dikemaskinikan dengan sempurna. Syarikat konsesi yang dilantik didapati telah mengendalikan pengurusan pendaftaran jalan dalam sistem MARRIS secara berperingkat dan mengemas kini melalui ID pegawai jabatan/agensi pelaksana. Keadaan ini berlaku disebabkan beberapa perkara iaitu:

- a. Pegawai yang dilantik di jabatan/agensi pelaksana tidak berupaya untuk mengemas kini sistem dan tidak diberikan pendedahan yang mencukupi. Masih terdapat pegawai yang mengendalikan sistem MARRIS tidak dapat memberikan maklumat MARRIS yang lengkap apabila diminta oleh pihak Audit.
- b. Pegawai jabatan/agensi pelaksana tidak melaksanakan kerja pengukuran dan koordinat jalan bagi menentukan panjang jalan yang berkaitan untuk dikemaskinikan dalam sistem MARRIS.
- c. Kesukaran untuk mengemaskinikan maklumat jalan untuk diproses dan direkodkan dalam daftar MARRIS kerana sistem memerlukan pengisian yang lengkap termasuk koordinat yang memerlukan jabatan/agensi pelaksana menyediakan perkhidmatan GPS.

2.4.5.3. Menurut maklum balas MDHT bertarikh 7 Mac 2016, setiap jalan yang layak telah didaftarkan dalam MARRIS. Semua pegawai yang terlibat telah dihantar menyertai bengkel serta kursus yang dianjurkan bagi memberi pengetahuan kepada sistem MARRIS. Menurut maklum balas JPS bertarikh 9 Mac 2016, Jabatan sentiasa mengemas kini data-data dalam sistem MARRIS dari semasa ke semasa. Pendaftaran jalan dibuat dalam sistem MARRIS setelah data-data jalan dibekalkan oleh syarikat konsesi.

Pada pendapat Audit, penyelenggaraan rekod MARRIS kurang memuaskan kerana pendaftaran jalan dalam sistem MARRIS belum dikemaskinikan dengan sempurna.

2.5. SYOR AUDIT

Beberapa perkara perlu dipertingkatkan dalam pengurusan penyenggaraan jalan raya bagi memastikan pengguna jalan raya sentiasa selesa dan selamat semasa menggunakan jalan raya. Sehubungan dengan itu, JKR Besut, PD Marang, Majlis Daerah Hulu Terengganu dan JPS Negeri hendaklah mengambil langkah-langkah penambahbaikan seperti berikut:

2.5.1. Agensi Pelaksana hendaklah memastikan peruntukan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri digunakan bagi maksud yang ditetapkan dalam Arahan Amanah.

2.5.2. Agensi Pelaksana perlu meningkatkan penyeliaan/pemantauan secara berterusan bagi memastikan pematuhan terhadap kontrak kerja agar kerja yang dilaksanakan berkualiti dan Kerajaan memperoleh *value for money* daripada perbelanjaan yang dilakukan.

2.5.3. Agensi Pelaksana hendaklah memastikan kerja penyenggaraan jalan dilaksanakan mengikut perancangan yang ditetapkan bagi mempertingkatkan tahap keselesaan dan keselamatan pengguna.

YAYASAN TERENGGANU

3. PENGURUSAN PEROLEHAN

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Yayasan Terengganu (YT) ditubuhkan pada 1 Mei 1972 di bawah Enakmen Terengganu Bil. 9 Tahun 1972 untuk membantu Kerajaan memajukan industri pendidikan di negeri ini bagi membangunkan modal insan. Tujuan penubuhan ini termaktub dalam Enakmen berkenaan sebagai usaha untuk meningkat, memaju dan memperkembangkan peluang-peluang dan kemajuan-kemajuan pelajar rakyat negeri ini. Selaras dengan tujuan penubuhannya untuk memajukan industri pendidikan, YT telah menyediakan penajaan, bantuan dan kemudahan pembelajaran berkualiti bagi memenuhi Agenda Pendidikan Negara selain memastikan anak Terengganu dapat melanjutkan pelajaran tanpa masalah kewangan dan menyediakan prasarana serta kemudahan untuk semua peringkat pendidikan.

3.1.2. Tatacara Perolehan YT adalah tertakluk kepada Peraturan Akaun Dan Kewangan YT, Arahan Perbendaharaan, Pekeliling Kontrak, Pekeliling dan Surat Pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Perolehan yang dimaksudkan ialah perolehan barang, kerja dan perkhidmatan yang dilaksanakan sama ada melalui pembelian terus, sebut harga atau tender.

3.1.3. Bagi tahun 2013 hingga 2015, YT telah melaksanakan perolehan bekalan, perolehan kerja dan perolehan perkhidmatan melibatkan perbelanjaan berjumlah RM32.70 juta. Butiran pecahan perolehan mengikut kaedah perolehan iaitu pembelian terus, sebut harga dan tender adalah seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1
Perolehan Dan Perbelanjaan Mengikut Kaedah Perolehan
Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Tahun	Pembelian Terus		Sebut Harga		Tender		Jumlah	
	(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)	(Bil.)	(RM Juta)
2013	922	3.58	14	1.18	1	0.75	937	5.51
2014	1,259	8.27	58	4.78	-	-	1,317	13.05
2015	1,407	6.92	67	5.44	3	1.78	1,477	14.14
Jumlah	3,588	18.77	139	11.40	4	2.53	3,731	32.70

Sumber: Yayasan Terengganu

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan perolehan kerja/perkhidmatan dan bekalan di YT telah diuruskan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif serta mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi perolehan bagi tahun 2013 hingga 2015. Bagaimanapun, tempoh skop pengauditan diperkembangkan meliputi tahun yang sebelumnya sekiranya terdapat isu berbangkit. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen, rekod dan fail berkaitan perolehan bekalan, kerja dan perkhidmatan di YT. Lawatan ke tapak projek dan temu bual dengan pegawai yang terlibat turut dilaksanakan. *Exit Conference* bersama Pengarah YT, Jabatan Kerja Raya Negeri, Juruperunding, Unit Perancang Ekonomi Terengganu dan Unit Audit Dalam telah diadakan pada 2 Mac 2016.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Oktober hingga Disember 2015 mendapati pengurusan perolehan di YT adalah memuaskan di mana peraturan dan prosedur berkaitan perolehan secara tender, sebut harga dan pembelian terus telah dipatuhi. Antaranya Jawatankuasa Tender dan Jawatankuasa Sebut Harga telah ditubuhkan, pelawaan tender dan sebut harga mengikut tempoh yang ditetapkan dan kajian pasaran telah dijalankan. Bagaimanapun terdapat kelemahan dalam tatacara perolehan dan pelaksanaan projek seperti di bawah:

- **Perolehan secara tender**
 - Sijil Perakuan Siap Kerja tidak diperakui oleh YT.
 - Masalah reka bentuk dan kualiti kerja kurang memuaskan.
- **Perolehan secara sebut harga**
 - Pembekal dilantik tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan.
 - Pembekal lewat dilantik.
- **Perolehan secara pembelian terus**
 - 15% pesanan Kerajaan dikeluarkan selepas barang/perkhidmatan diterima.
 - 7 perolehan dibuat tanpa pesanan Kerajaan.

3.4.1. Perolehan Secara Tender

3.4.1.1. Berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 dan PK 2 1 Pekeliling Perbendaharaan, perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang melebihi RM500,000 hendaklah dibuat secara tender. Bagaimanapun, Para 9(3) Peraturan-peraturan Kewangan Yayasan (Pindaan 2011) menetapkan perolehan barang-barang bernilai lebih dari RM200,000 hendaklah dipelawa secara tender. Sebanyak 6 tender telah diaudit iaitu 2 tender pembinaan sekolah Imtiaz yang berjumlah RM142.29 juta dan 4 tender bagi perkhidmatan makanan bermasak yang bernilai RM2.53 juta. Semakan Audit terhadap 6 tender tersebut mendapati proses tender telah mematuhi peraturan antaranya seperti tender diiklankan, keputusan tender diluluskan oleh Jawatankuasa Tender, surat setuju terima dikeluarkan kepada kontraktor berjaya dan kontrak ditandatangani mengikut tempoh.

3.4.1.2. Selain itu, pihak Audit juga membuat semakan dokumen dan lawatan terhadap pembinaan 2 buah Sekolah Menengah Imtiaz Yayasan Terengganu (SMIYT) iaitu SMIYT Besut dan SMIYT Kemaman yang telah siap dan diduduki dalam tempoh pengauditan. Kelemahan yang dikenal pasti di dalam pelaksanaan tender tersebut adalah seperti berikut:

a. Pembayaran Muktamad Dibuat Walaupun Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) Belum Diperakui Oleh YT

- i. Pengaudit terhadap projek pembinaan SMIYT Besut mendapati sejumlah RM24.32 juta telah dibayar oleh YT kepada pihak kontraktor walaupun CPC tidak disahkan oleh YT selaku pemilik. CPC yang dikeluarkan oleh perunding Arkitek tidak diakui oleh YT kerana terdapat kerja-kerja yang belum disiapkan sepenuhnya. Sehingga kini, CPC yang dikeluarkan oleh pihak perunding Arkitek belum diperakui oleh YT. Para 3(B) Surat Arahan Perbendaharaan Malaysia bertarikh 18 Mac 2011 menetapkan tiada pengecualian Denda Gantriug Tertentu Dan Ditetapkan (LAD) dibenarkan. Bagaimanapun, Pegawai Kewangan Negeri (PKN) telah meluluskan pengecualian LAD sebanyak 70% iaitu RM0.62 juta daripada RM0.88 juta yang dikenakan. Oleh itu, terdapat baki LAD sebanyak RM0.26 juta hendaklah dilunaskan oleh pihak kontraktor. Semakan Audit mendapati pengiraan LAD yang dikemukakan kepada PKN adalah tidak tepat kerana pengiraan LAD sepatutnya dikira sehingga ke tarikh pengeluaran CPC yang sah dikeluarkan. Sedangkan sehingga ke tarikh pengaudit terdapat CPC yang dikeluarkan belum diperakui oleh YT.
- ii. **Berdasarkan maklum balas YT bertarikh 14 Mac 2016 menyatakan bahawa berdasarkan terma kontrak, Pegawai Pengguna iaitu perunding Arkitek adalah berkuasa dan bertanggungjawab ke atas pengeluaran CPC walaupun tanpa pengesahan daripada YT. CPC membawa maksud kesiapan bukan secara keseluruhan untuk digunakan. Dalam hal ini perunding telah membuktikan semua kerja-kerja ditapak telah siap sepenuhnya. Manakala pihak YT telah mentakrifkan CPC adalah kerja siap sepenuhnya.**
- iii. Pihak Audit berpandangan bahawa CPC yang dikeluarkan oleh Perunding Arkitek perlu diperakui oleh pihak YT walaupun perunding Arkitek dilantik sebagai Pegawai Pengguna. Pihak YT sebagai pemilik projek juga berhak untuk memperakui CPC yang dikeluarkan.

b. Kualiti Pembinaan Kompleks Sekolah Menengah Imtiaz Yayasan Terengganu Besut Dan Kemaman Kurang Memuaskan

- i. Kompleks SMIYT Besut dan Kemaman adalah merupakan 2 Sekolah Menengah Imtiaz Yayasan Terengganu yang terbesar dan diurus tadbir oleh Bahagian

Pengurusan Imtiaz, YT. Butiran lanjut mengenai kos pembinaan bagi Kompleks SMIYT Besut dan Kemaman adalah seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Maklumat Projek Pembinaan Kompleks SMIYT Besut Dan Kemaman

Kompleks	Kos (RM Juta)		Tarikh Mula	Tarikh Siap	Tarikh Diduduki
SMIYT Besut	Pakej 1	3.82	23.01.2007	28.10.2007	
	Pakej 2	24.32	27.08.2007	15.05.2011*	01.01.2015
	Pakej 3	59.09	28.08.2007	11.11.2010	
SMIYT Kemaman	55.06		28.05.2012	30.06.2015	01.01.2016

Sumber: Yayasan Terengganu

Nota: *- Tarikh siap mengikut CPC yang belum diperakui oleh YT

- ii. Lawatan Audit bersama pegawai YT pada 16 Disember 2015 ke SMIYT Besut serta 29 Disember 2015 dan 20 Januari 2016 ke SMIYT Kemaman bagi meninjau keadaan Kompleks Sekolah tersebut mendapati perkara seperti berikut:

- **Masalah Reka Bentuk**

- Pemeriksaan Audit mendapati ada beberapa masalah reka bentuk binaan Kompleks SMIYT Kemaman seperti di **Jadual 3.3** dan **Gambar 3.1** hingga **Gambar 3.9** yang memerlukan pembaikan.

Jadual 3.3
Masalah Reka Bentuk Bagi Kompleks SMIYT Kemaman

Lokasi	Masalah Reka Bentuk
Blok Pentadbiran	Longkang kecil serta saluran air keluar tidak diadakan menyebabkan air bertakung di koridor. (Gambar 3.1)
Surau	Ruang foyer surau tidak berbumbung menyebabkan air tempias hujan bertakung di pintu hadapan surau. Selain itu, aras lantai ruang dalaman surau yang sama tinggi dengan aras lantai ruang foyer memudahkan tempias hujan mengalir masuk dan meresap ke karpet surau serta menyukarkan kerja membersih. (Gambar 3.2 hingga Gambar 3.5)
Foyer Blok Pentadbiran	<i>Beam</i> di tangga <i>Grand Stairs</i> mengurangkan ruang kelegaan atas kepala dan membahayakan kepada pengguna. (Gambar 3.6 dan Gambar 3.7)
Detention Pond	<i>Detention pond</i> tidak dapat menampung aliran air hujan lebat menyebabkan longkang dan <i>sump</i> terpaksa dipecahkan untuk melepaskan air ke luar kawasan sekolah. (Gambar 3.8 dan Gambar 3.9)



Gambar 3.1
Air Hujan Bertakung
Pada Permukaan Lantai

Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: SMIYT Kemaman

Tarikh: 29 Disember 2015

Gambar 3.2
Reka Bentuk Ruang Foyer Surau Tidak Berbumbung Menyebabkan
Air Tempias Hujan Bertakung Di Pintu Hadapan Surau



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMIYT Kemaman
Tarikh: 29 Disember 2015



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMIYT Kemaman
Tarikh: 29 Disember 2015

Gambar 3.4
Air Tempias Hujan Bertakung
Di Pintu Hadapan Surau



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMIYT Kemaman
Tarikh: 29 Disember 2015

Gambar 3.5
Air Tempias Hujan Mengalir Masuk
Dan Meresap Ke Karpet Surau



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMIYT Kemaman
Tarikh: 29 Disember 2015

Gambar 3.6
Beam Di Tangga Grand Stairs



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMIYT Kemaman
Tarikh: 20 Januari 2016

Gambar 3.7
Beam Rapat Ke Kepala



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMIYT Kemaman
Tarikh: 29 Disember 2015

Gambar 3.8

Longkang Dan Sump Terpaksa Dipecahkan Bagi Melepaskan Air Ke Luar Kawasan Sekolah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMIYT Kemaman
Tarikh: 29 Disember 2015

Gambar 3.9



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMIYT Kemaman
Tarikh: 29 Disember 2015

- **Berdasarkan maklum balas YT bertarikh 14 Mac 2016,**

- Pihak JKR akan membuat longkang kecil serta saluran air keluar bagi mengatasi masalah air hujan bertakung di koridor Blok Pentadbiran.
- Bagi mengatasi masalah tempias hujan di surau, pelan reka bentuk bumbung tambahan (*awning*) telah disiapkan. Bagaimanapun disebabkan oleh kekangan peruntukan pada tahun 2016, cadangan tersebut terpaksa ditangguhkan. Bagi mengelakkan tempias air hujan dari memasuki surau, tindakan segera akan diambil untuk membina *kerb* atau *scupper drain* di ruangan *foyer* surau.
- Bagi mengatasi masalah *beam* di tangga *grand stairs*, cadangan pembaikian ialah dengan mengadakan tanda amaran yang jelas bagi mengelakkan bahaya kepada pengguna.
- Bagi isu *detention pond*, ianya direka bentuk bagi menampung air dari kompleks Imtiaz sahaja dan tidak mampu untuk menampung air hujan dari luar kawasan tadahan. Ketika ini air dari luar kawasan tadahan masuk (*by-pass*) ke kawasan kompleks Imtiaz melalui *swale* yang dibina yang sepatutnya disalurkan keluar terus ke saliran kekal yang perlu dibina oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS). Pembinaan saliran parit kekal perlu disegearkan bagi mengatasi masalah banjir akibat hujan lebat terutamanya pada musim tengkujuh. Bagaimanapun, pihak JKR telah mengambil tindakan mendalamkan *swale* tersebut serta membuat penambahan *outlet* bagi mempercepatkan pengaliran air keluar dari *detention pond*.

- **Kualiti Kerja Kurang Memuaskan**

Kualiti kerja di beberapa lokasi seperti bilik bacaan, dewan kuliah dan bilik guru didapati kurang memuaskan seperti di **Jadual 3.4** dan **Gambar 3.10** hingga **Gambar 3.17**.

Jadual 3.4
Kualiti Kerja Kurang Memuaskan

Kompleks Sekolah	Lokasi	Kualiti Kerja Kurang Memuaskan
SMIYT Besut	Bilik Bacaan	Siling berkulat dan melendut kesan resapan air (Gambar 3.10)
	Dewan Kuliah	Siling pecah dan bocor serta kerja melepa dinding tidak sempurna (Gambar 3.11 dan Gambar 3.12)
	Dataran	Tangga di dataran retak (Gambar 3.13 dan Gambar 3.14)
	Asrama Perempuan	Kebocoran pada tangki air menyebabkan air bertakung di lantai konkrit dan kerangka bumbung besi berkarat (Gambar 3.15)
SMIYT Kemaman	Bilik Guru	Siling Bilik Guru bocor (Gambar 3.16)
	Blok Pentadbiran	Sisa bahan binaan terbiar dalam longkang (Gambar 3.17)

Gambar 3.10
Siling Berkulat Kesan Resapan Air



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMIYT Besut
Tarikh: 16 Disember 2015

Gambar 3.11
Siling Dewan Kuliah Pecah Dan Bocor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMIYT Besut
Tarikh: 16 Disember 2015

Gambar 3.12
Kualiti Lepaan Dinding Dewan Kuliah Tidak Memuaskan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMIYT Besut
Tarikh: 16 Disember 2015

Gambar 3.13
Tangga Di Dataran Retak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMIYT Besut
Tarikh: 16 Disember 2015

Gambar 3.14



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMIYT Besut
Tarikh: 16 Disember 2015

Gambar 3.15
Air Bertakung Di Kerangka Bumbung Asrama Perempuan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMIYT Besut
Tarikh: 16 Disember 2015

Gambar 3.16
Siling Bilik Guru Bocor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMIYT Kemaman
Tarikh: 29 Disember 2015



Gambar 3.17
Sisa Bahan Binaan Memenuhi Longkang

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMIYT Kemaman
Tarikh: 29 Disember 2015

- **Maklum balas YT bertarikh 14 Mac 2016, bagi SMIYT Kemaman, kerosakan akan diambil tindakan segera kerana masih lagi dalam tempoh tanggungan kecacatan (DLP). Bagi SMIYT Besut, kerosakan dan kebocoran hanya dapat dikesan setelah bangunan didiami dan tempoh DLP telah tamat. Keadaan ini berlaku berikutan tempoh masa penyiapan berbanding tempoh masa didiami yang terlalu lama. Bagaimanapun pihak YT akan mengambil langkah yang sewajarnya bagi menangani masalah ini.**
- **Peralatan Yang Dibekalkan Tidak Digunakan**

Mengikut dokumen kontrak, item *Public Address System (PA System)* dan *electro magnetic locks* adalah peralatan yang dibekalkan bagi projek pembinaan Kompleks SMIYT Besut. Pemeriksaan Audit mendapati *PA System* di asrama perempuan dengan nilai RM70,000 yang ditempatkan di dalam bilik warden masih belum dipasang dan tidak digunakan sejak asrama siap dibina pada 15 Mei 2011. Sementara 6 unit *electro magnetic locks* yang bernilai RM50,000 telah dipasang pada pintu-pintu makmal komputer dan bilik server tetapi tidak digunakan sejak blok akademik siap dibina pada 11 November 2010 seperti di **Gambar 3.18** dan **Gambar 3.19**. **Berdasarkan maklum balas YT bertarikh 14 Mac 2016, pengujian dan pentauliahan bagi kedua-dua peralatan telah dibuat dan berfungsi dengan baik. Bagaimanapun, pihak kontraktor akan menguji serta memberi tunjuk ajar semula kepada pihak sekolah.**

Gambar 3.18
Alat PA System Tidak Sempurna Pemasangan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMIYT Besut
Tarikh: 16 Disember 2015

Gambar 3.19
Electro Magnetic Locks Tidak Berfungsi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SMIYT Besut
Tarikh: 16 Disember 2015

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya perolehan secara tender di YT adalah kurang memuaskan kerana CPC bagi SMIYT Besut masih belum diperakui oleh pihak YT. Selain itu, reka bentuk dan kualiti kerja pembinaan kurang memuaskan.

3.4.2. Perolehan Secara Sebut Harga

Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 dan Pekeliling Perbendaharaan PK 2, perolehan bekalan dan perkhidmatan yang bernilai RM50,000 hingga RM500,000 dan perolehan kerja yang tidak menggunakan Jadual Kadar bernilai melebihi RM20,000 hingga RM500,000 hendaklah dilakukan secara sebut harga. Bagi memastikan pelaksanaan proses sebut harga dapat disempurnakan, beberapa perkara seperti proses pelawaan, penubuhan Jawatankuasa berkaitan, dokumen sebut harga yang lengkap dan lain-lain perlu dipatuhi. Semakan Audit mendapati selain daripada perolehan secara sebut harga bagi bekalan dan kerja, YT juga membuat perolehan secara sebut harga bagi perkhidmatan seperti makanan tambahan dan minum pagi untuk pelajar SMIYT, kawalan keselamatan dan kebersihan. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, sebanyak 139 sebut harga berjumlah RM11.40 juta telah dilaksanakan oleh YT. Semakan Audit terhadap 92 sampel sebut harga mendapati beberapa kelemahan seperti berikut:

3.4.2.1. Pelawaan Sebut Harga Tidak Mematuhi Syarat

- a. Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 dan Para 7(iii)(a) PK 2, perolehan bekalan dan perkhidmatan yang bernilai melebihi RM50,000 hingga RM100,000 hendaklah dipelawa secara sebut harga kepada sekurang-kurangnya 5 pembuat/pembekal tempatan bertaraf Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang yang berkaitan. Perolehan bekalan/perkhidmatan yang bernilai melebihi RM100,000 hingga RM500,000 dan perolehan kerja yang tidak menggunakan Jadual Kadar Kejuruteraan Awam bernilai melebihi RM20,000 hingga RM500,000 hendaklah dipelawa secara sebut harga

kepada sekurang-kurangnya 5 pembuat/pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang yang berkaitan dan terbuka kepada pembuat/pembekal bertaraf Bumiputera dan bukan Bumiputera.

- b. Semakan Audit mendapati pelawaan sebut harga bagi bekalan dan kerja dibuat secara terbuka dan mematuhi peraturan pelawaan sebut harga yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, pelawaan sebut harga bagi 2 jenis perolehan perkhidmatan iaitu perolehan makanan tambahan dan perolehan minum pagi bagi 5 buah SMIYT iaitu SMIYT Kuala Terengganu, Kemaman, Besut, Dungun dan Kuala Berang dibuat secara tertutup dan hanya dipelawa kepada 3 pembekal sahaja walaupun jumlah perolehan adalah melebihi RM100,000 setahun seperti di **Jadual 3.5**. Perkhidmatan makanan tambahan telah diberikan kepada koperasi sekolah yang berkenaan manakala perkhidmatan minum pagi diberikan kepada pembekal yang terpilih berdasarkan pelawaan harga yang terendah. Pihak Audit dimaklumkan bahawa koperasi sekolah terlibat adalah tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan manakala pembekal lain yang terlibat tidak dapat ditentukan kerana tidak ada maklumat mengenainya.

Jadual 3.5
Perkhidmatan Makanan Tambahan Dan
Minum Paggi Bagi 5 Sekolah Imtiaz

Sekolah	2013		2014		2015*	
	MT (RM)	MP (RM)	MT (RM)	MP (RM)	MT (RM)	MP (RM)
Kuala Terengganu	162,988	120,816	163,616	123,082	160,285	113,255
Kemaman	-	-	-	-	43,246	36,803
Besut	138,945	103,879	121,391	109,688	77,880	81,624
Dungun	225,957	155,733	207,287	154,588	122,431	88,406
Kuala Berang	170,057	107,624	151,851	112,877	73,845	76,628
Jumlah	697,947	488,052	644,145	500,235	477,687	396,716

Sumber: Yayasan Terengganu

Nota: MT - Makanan Tambahan

MP - Minum Paggi

* Jumlah Perolehan Sehingga Julai 2015

- c. **Berdasarkan maklum balas YT bertarikh 14 Mac 2016, pihak YT memberi kontrak perkhidmatan membekalkan makanan tambahan kepada koperasi SMIYT atas alasan penawaran harga yang rendah serta bekalan makanan yang berkualiti. Bagaimanapun mulai tahun 2016, pihak YT akan memastikan ianya mengikuti peraturan perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa.**

3.4.2.2. Pembekal Lewat Dilantik

Semakan Audit mendapati 5 sebut harga bagi perolehan makanan tambahan dan 5 sebut harga perolehan minum pagi bagi 5 buah SMIYT iaitu SMIYT Kuala Terengganu, Kemaman, Besut, Dungun dan Kuala Berang untuk tahun 2015 telah lewat dipelawa. Pembekalan makanan tambahan bagi tahun 2015 bermula dari bulan Februari hingga November 2015 dan bagi pembekalan minum pagi pula bermula dari bulan Januari hingga November 2015. Bagaimanapun, sebut harga tersebut hanya dibawa ke

Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga pada 13 Mac 2015 dan dimaklumkan kepada pembekal yang berjaya pada tarikh yang sama seperti di **Jadual 3.6. Berdasarkan maklum balas YT bertarikh 14 Mac 2016, pihak YT akan memastikan perkara ini tidak akan berulang lagi.**

**Jadual 3.6
Tempoh Kelewatan Pelantikan Pembekal**

Bil.	Jenis Perkhidmatan	Tempoh Pembekalan Yang Ditetapkan	Tarikh Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga	Tempoh Kelewatan Pelantikan Pembekal (Hari)
1.	Makanan Tambahan	Februari hingga November 2015	15.03.2015	43
2.	Minum Pagi	Januari hingga November 2015	15.03.2015	74

Sumber: Yayasan Terengganu

Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan secara sebut harga adalah memuaskan kerana mematuhi peraturan kewangan berkaitan kecuali bagi perolehan makanan tambahan dan minum pagi.

3.4.3. Perolehan Secara Pembelian Terus

3.4.3.1. Para 3 Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 12 Tahun 2007 (Had Nilai dan Syarat-syarat Pembelian Terus Bagi Bekalan dan Perkhidmatan) menyatakan pembelian setiap jenis item yang melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan sehingga RM50,000 boleh dibuat secara pembelian terus dengan mana-mana pembekal yang berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan sama ada bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera. Bagaimanapun, berkuat kuasa mulai 3 Julai 2014, pekeliling ini adalah terbatal dan digantikan dengan PK2, 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP). Berdasarkan PK2 ini, had nilai pembelian terus bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan adalah sehingga RM50,000. Selain itu, kaedah lantikan terus di kalangan kontraktor Gred G1 yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Sijil Taraf Bumiputera (STB) boleh dibuat untuk perolehan kerja dengan nilai tidak melebihi RM20,000.

3.4.3.2. Pihak Audit telah menjalankan semakan terperinci terhadap 600 sampel bagi tahun 2013 hingga 2015 iaitu 200 sampel bagi setiap tahun bagi memastikan perolehan yang dilaksanakan adalah berdasarkan prosedur dan tatacara yang telah ditetapkan oleh pekeliling yang berkuat kuasa. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

a. Pesanan Kerajaan Dikeluarkan Selepas Bekalan/Perkhidmatan dan Kerja Diterima

Arahan Perbendaharaan 176.1(b) menetapkan pesanan Kerajaan hendaklah dikeluarkan terlebih dahulu bagi setiap pembelian. Semakan Audit mendapati 92 (15.3%) pesanan Kerajaan berjumlah RM360,350 bagi tahun 2013 hingga 2015 telah

dikeluarkan selepas bekalan/perkhidmatan atau kerja diterima. Tempoh kelewatan pesanan Kerajaan dikeluarkan adalah antara 2 hingga 208 hari. Perincian bilangan kes yang terlibat berdasarkan tahun semakan adalah seperti di **Jadual 3.7**.

Jadual 3.7
Pesanan Kerajaan Dikeluarkan Selepas Bekalan/Perkhidmatan Diterima

Tahun	Pesanan Kerajaan			
	Bil. Sampel	Bil. Sampel Lewat Bayar	Jumlah (RM)	Tempoh Kelewatan (Hari)
2013	200	26	82,288	7 – 74
2014	200	33	158,936	5 – 172
2015	200	33	119,126	2 – 208
Jumlah	600	92	360,350	2 – 208

Sumber: Yayasan Terengganu

b. Perolehan Dibuat Tanpa Pesanan Kerajaan

Arahan Perbendaharaan 176.1(b) menetapkan pesanan Kerajaan hendaklah dikeluarkan terlebih dahulu bagi setiap pembelian. Semakan Audit mendapati 7 perolehan secara pembelian terus bagi tahun 2013 hingga 2015 telah dilakukan tanpa mengeluarkan pesanan Kerajaan iaitu seperti bagi pembelian keperluan bagi sesuatu projek/kursus, kerja dan makanan. Perincian bilangan perolehan mengikut tahun yang terlibat adalah seperti di **Jadual 3.8**.

Jadual 3.8
Perolehan Dibuat Tanpa Pesanan Kerajaan

Tahun	Bil. Sampel Pesanan Kerajaan	Perolehan	
		Bil. Invois	Jumlah (RM)
2013	200	2	1,904
2014	200	3	2,070
2015	200	2	4,970
Jumlah	600	7	8,944

Sumber: Yayasan Terengganu

3.4.3.3. Berdasarkan maklum balas YT bertarikh 14 Mac 2016, pihak YT akan mematuhi peraturan kewangan.

Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan secara pembelian terus adalah baik di mana ketidakpatuhan kepada peraturan kewangan adalah rendah.

3.4.4. Invois Lewat Dibayar

Arahan Perbendaharaan 103 (a) menyatakan bahawa semua invois hendaklah dibayar dengan segera tidak lewat daripada 14 hari dari tarikh ia diterima dengan lengkap dan sempurna. Pembekal perlu mengemukakan invois tuntutan bagi perkhidmatan yang telah dilaksanakan bagi sesuatu bulan pada bulan berikutnya kepada YT bagi tujuan pembayaran. Semakan Audit terhadap 780 invois bagi tahun 2013 hingga 2015 mendapati sebanyak 581

invois telah lewat dibayar seperti di **Jadual 3.9. Berdasarkan maklum balas YT bertarikh 14 Mac 2016, kekangan kewangan pihak YT menyebabkan pembayaran dibuat mengikut keutamaaan.**

**Jadual 3.9
Invois Lewat Dibayar**

Kaedah Perolehan	Jenis Perolehan	Bil. Disemak	Lewat Bayar (Bil.)	Lewat Bayar (Hari)	
				7 – 30 (Bil.)	Melebihi 30 (Bil.)
Tender	Makanan Bermasak	13	13	8	5
Sebut Harga	Makanan Tambahan Dan Minum Pagi	167	145	58	87
Pembelian Terus	Pelbagai Bekalan	600	423	236	187
Jumlah		780	581	302	279

Sumber: Yayasan Terengganu

Pada pendapat Audit, pihak YT hendaklah mematuhi peraturan pembayaran yang telah ditetapkan bagi menjaga imej Kerajaan.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi memantapkan lagi pengurusan perolehan kerja, perkhidmatan dan bekalan Yayasan Terengganu adalah disyorkan mempertimbangkan perkara berikut:

3.5.1. Memastikan Pegawai Penguasa yang dilantik tidak terlibat secara langsung dalam projek yang dibangunkan.

3.5.2. Memastikan pelan reka bentuk disemak dengan teliti serta menjalankan pemantauan projek dengan lebih berkesan bagi memastikan kualiti kerja terjamin.

3.5.3. Memastikan semua kerosakan dibaiki oleh pihak kontraktor dalam tempoh tanggungan kecacatan dan peralatan yang dibeli digunakan sewajarnya.



BAHAGIAN II

PENGURUSAN KEWANGAN

JABATAN/AGENSI

NEGERI

PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

4. PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

4.1. PENDAHULUAN

4.1.1. Seksyen 15(A) Akta Tatacara Kewangan, 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di sebuah Kementerian/Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperoleh, diguna dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

4.1.2. Selaras dengan perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Jabatan/Agensi Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

4.2. PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN KEWANGAN OLEH JABATAN/AGENSI NEGERI

4.2.1. Pada tahun 2015, beberapa usaha yang berterusan telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri. Antara langkah yang diambil adalah seperti berikut:

4.2.2. Pejabat Perbendaharaan Negeri telah mengeluarkan 10 pekeliling/surat arahan pada tahun 2015 bagi menambah baik pengurusan kewangan di semua peringkat Jabatan/Agensi Negeri iaitu:

4.2.2.1. Pekeliling Perbendaharaan Negeri mengenai anggaran perbelanjaan tahun 2015.

4.2.2.2. Pekeliling Perbendaharaan Negeri mengenai garis panduan bagi penyediaan cadangan anggaran bajet negeri tahun 2016.

4.2.2.3. Pekeliling Perbendaharaan Negeri bertujuan memaklumkan mengenai peraturan penutupan penyata kewangan Kerajaan Negeri tahun 2015.

4.2.2.4. Pekeliling Perbendaharaan Negeri bertujuan memaklumkan mengenai tarikh pembayaran gaji bulanan bagi tahun 2016.

4.2.2.5. Surat arahan mengenai pengaktifan semula *public key infrastructure* (PKI) Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS) bagi Kerajaan Negeri Terengganu.

4.2.2.6. Surat arahan mengenai penambahbaikan program cukai barang dan perkhidmatan (GST) di Modul PTJ Kewangan.

4.2.2.7. Surat arahan mengenai pengeluaran *Certificate of Goods And Services Tax Relief* (COGSTR).

4.2.2.8. Surat arahan mengenai arahan kerja bagi rekupmen panjar wang runcit secara EFT.

4.2.2.9. Surat arahan mengenai pelaksanaan sistem perakaunan akruan Kerajaan Negeri (iSPEK).

4.2.2.10. Surat arahan pertukaran kod akaun amanah penyenggaraan jalan (Kod 60002) kepada (Kod 58002).

4.2.3. Manakala Jabatan/Agenzi Kerajaan Negeri juga secara dalaman telah mengambil beberapa langkah tertentu untuk menambahbaik pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Agenzi masing-masing. Antara langkah yang diambil adalah seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1
Usaha Penambahbaikan Yang Telah Diambil Oleh Jabatan/Agenzi Negeri

Bil.	Jabatan/Agenzi	Penambahbaikan
1.	Pejabat Tanah Dungun	i. Program MS ISO 9001:2008 ii. Program kutipan hasil luar pejabat iii. Mengemaskini alamat surat menyurat pemilik tanah iv. Edaran risalah kesedaran membayar hasil tanah melalui pengedar surat khabar v. Hebahuan di masjid vi. Edaran bil hasil beserta jadual pungutan hasil di luar pejabat vii. Bil cukai dihantar ke alamat individu bertugas jika gagal melalui alamat surat menyurat
2.	Yayasan Terengganu	i. Melaksanakan pembayaran secara <i>electronic fund transfer</i> (EFT) ii. Bayaran balik pinjaman melalui perkhidmatan ‘Jompay’
3.	Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu	i. Pendaftaran kes Mahkamah Tinggi di Mahkamah Rendah Syariah Daerah-daerah ii. Pelaksanaan <i>ePayment</i> dan <i>online payment</i> bagi modul bayaran e-Syariah
4.	Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu	i. Melaksanakan pembayaran secara <i>electronic fund transfer</i> (EFT)
5.	Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu	i. Menggunakan Sistem Pengurusan Maklumat Bersepadu yang meliputi modul Sistem Pengurusan Perakaunan

Sumber: Jabatan Negeri

4.3. PELAKSANAAN INDEKS AKAUNTABILITI

4.3.1. Bagi menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang seperti Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 serta peraturan yang berkaitan, setiap tahun Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri. Bagi Jabatan, aspek pengurusan kewangan yang dinilai adalah Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Pengurusan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Wang Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit, Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Manakala bagi Pejabat Perbendaharaan Negeri dan Agensi pula, selain dari aspek tersebut, aspek lain yang turut dinilai ialah Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan.

4.3.2. Bermula pada tahun 2007, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti dengan memberi penarafan 4 bintang kepada Agensi Kerajaan yang cemerlang. Setiap aspek yang diperiksa/dinilai itu akan diberi markah dan akhirnya Jabatan/Agensi yang dinilai akan ditentukan penarafan (*ranking*) berdasarkan jumlah markah keseluruhan yang diperoleh. Bagi memenuhi keperluan semasa Sektor Awam di samping memberi penilaian yang setara dengan penarafan oleh Agensi lain, Jabatan Audit Negara telah menaikkan penarafan Cemerlang daripada 4 bintang kepada 5 bintang mulai tahun 2015 seperti di **Jadual 4.2** berbanding dengan 4 bintang pada 2014 seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.2
Tahap Penarafan Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti Tahun 2015

Markah Keseluruhan (%)	Tahap	Penarafan
90 – 100	Cemerlang	
80 – 89.9	Baik	
70 – 79.9	Memuaskan	
60 – 69.9	Kurang Memuaskan	
59.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	

Sumber: Jabatan Audit Negara

Jadual 4.3
Tahap Penarafan Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti Tahun 2014

Markah Keseluruhan (%)	Tahap	Penarafan
90 - 100	Sangat Baik	   
70 – 89.9	Baik	  
50 – 69.9	Memuaskan	 
49.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	

Sumber: Jabatan Audit Negara

4.4. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Bagi membolehkan penarafan diberi kepada tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agenzi Negeri, pengauditan telah dijalankan untuk menentukan sama ada:

- 4.4.1.** Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.
- 4.4.2.** Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan, pengurusan akaun amanah, aset dan inventori, pelaburan serta pinjaman.
- 4.4.3.** Pengurusan kewangan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.
- 4.4.4.** Rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

4.5. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pada tahun 2015, pengauditan telah dijalankan di 13 Jabatan/Agenzi Negeri berdasarkan pusingan, manakala pengauditan setiap tahun dilaksanakan terhadap satu Jabatan Negeri iaitu Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri yang telah ditetapkan sebagai Jabatan Negeri yang wajib diaudit pada setiap tahun mulai tahun 2012. Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2015 di peringkat Jabatan/Agenzi Negeri. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Agenzi Negeri Tahun 2014 bagi menentukan kedudukan prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agenzi Negeri secara menyeluruh.

4.6. KAWALAN UTAMA

Pelaksanaan sistem penarafan bagi 8 Jabatan Negeri adalah berdasarkan pencapaian pengurusan kewangan mengikut 8 kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Pengurusan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Wang Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit, Pengurusan Aset dan Stor serta

Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Manakala 5 Agensi Negeri dinilai melalui 8 kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Wang Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit, Pengurusan Aset dan Stor, Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan. Penjelasan lanjut mengenai kawalan-kawalan tersebut adalah seperti berikut:

4.6.1. Kawalan Pengurusan

Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesanan Unit Audit Dalam dan jawatankuasa yang diwujudkan serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

4.6.1.1. Struktur Organisasi

Bagi mewujudkan suatu struktur organisasi yang berkesan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini sepetimana yang ditetapkan di Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991.
- b. Surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemas kini. Had kuasa dan tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab perlu dinyatakan dengan jelas. Seksyen 15A(2), Akta Tatacara Kewangan, Arahan Perbendaharaan (AP) 11, AP 69 dan AP 101 adalah berkaitan.
- c. Kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 dipatuhi. Pekeliling tersebut menetapkan Senarai Tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubung kait antara penyelia dengan pegawai bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai Tugas ini juga perlu sentiasa dikemas kini.
- d. Kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 dipatuhi. Selaras dengan pekeliling tersebut, perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas perlu dilaksanakan bagi melahirkan sumber manusia berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

4.6.1.2. Sistem Dan Prosedur

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur telah diwujudkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Proses Kerja berkaitan pengurusan kewangan disediakan dan sentiasa dikemas kini dalam Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- b. Senarai Tugas disediakan dan sentiasa dikemas kini. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- c. Pemeriksaan Dalaman (seperti yang ditetapkan di bawah AP 308) dijalankan dari semasa ke semasa terhadap sebahagian atau keseluruhan kewajipan kewangan atau perakaunan (termasuk perakaunan Aset Awam) yang dilakukan oleh pegawai di bawah kawalannya, bagi memastikan prosedur yang betul sentiasa diikuti. Perihal mengenai kewajipan yang diperiksa dan hasil pemeriksaan hendaklah direkodkan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut.
- d. Pemeriksaan Mengejut (seperti yang ditetapkan di bawah AP 309) dijalankan secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam tempoh 6 bulan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna bagi menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan hendaklah direkodkan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.

4.6.1.3. Jawatankuasa Kewangan Dan Unit Audit Dalam

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui pekeliling, arahan dan garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan pelbagai jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, kerajaan juga telah mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan urus setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanan jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

a. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun

1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) PS 5.1 menetapkan bahawa Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) hendaklah ditubuhkan di setiap Jabatan/Agensi Kerajaan/Pusat Tanggungjawab untuk memantapkan pengurusan kewangan dan akaun. JPKA hendaklah mengadakan mesyuarat setiap 3 bulan sekali, membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan Laporan JPKA kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

b. Unit Audit Dalam

1PP PS 3.1 menghendaki Setiausaha Kerajaan Negeri menubuhkan Unit Audit Dalam (UAD) di bawah organisasi/pentadbirannya bagi membantu memantapkan pengurusan kewangan dan mencapai matlamat organisasi secara berhemat, cekap dan berkesan. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam, mengemukakan Rancangan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Eksekutif selewat-lewatnya pada 31 Januari tahun semasa dan Laporan Tahunan Audit Dalam selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya. Sementara itu, tanggungjawab Ketua Eksekutif adalah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

c. Pengurusan Sumber Manusia

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberikan kepada mereka yang terlibat. Jabatan/Agensi Negeri juga perlu merancang dan melaksanakan pusingan tugas mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang. Jabatan/Agensi Negeri juga digalakkan memberi pengiktirafan kepada kakitangan yang cemerlang dan mengambil tindakan tatatertib/surc妖 terhadap mereka yang didapati gagal/cuui melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

4.6.2. Kawalan Bajet

Bagi menentukan sama ada Jabatan/Agensi Negeri telah menguruskan bajet dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah peruntukan dan analisis bajet seperti berikut:

4.6.2.1. Penyediaan Bajet

AP 29 hingga 46 juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara lain, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan, ketepatan anggaran, prosedur kelulusan bajet di peringkat Jabatan/Agensi Negeri serta tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Pegawai Kewangan Negeri.

4.6.2.2. Pengagihan Peruntukan

Peraturan kewangan mengenai pengagihan peruntukan antara lain menetapkan bahawa Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Mengikut AP 94 pula pemegang waran peruntukan boleh yang mana perlu, menyerahkan sebahagian daripada peruntukan di bawah kawalannya kepada pegawai lain dengan mengeluarkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai tersebut. Pengagihan peruntukan ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

4.6.2.3. Kelulusan Pindah Peruntukan

Peraturan kewangan mengenai pindah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahan yang diberi kuasa secara bertulis. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat pada tahun kewangan berkenaan dan semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Pegawai Kewangan Negeri atau wakilnya tidak lewat daripada 31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diurus dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan tambahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

4.6.2.4. Analisis Bajet

Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan setiap perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang dilakukan mempunyai peruntukan dan perbelanjaan tersebut tidak melebihi peruntukan yang diluluskan. Pegawai Pengawal dikehendaki membuat perancangan dengan teliti agar tidak berlaku kekerapan pindah peruntukan. Sebarang peruntukan tambahan/khas/luar jangka/pindah peruntukan yang diluluskan untuk menampung peruntukan yang tidak mencukupi hendaklah dibelanjakan. AP 18(i), 1PP PB 2.5 dan 1PP PB 2.6 adalah berkaitan.

4.6.3. Kawalan Terimaan

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, kawalan perakaunan terimaan/hasil dan penyediaan Akaun Belum Terima seperti berikut:

4.6.3.1. Kawalan Borang Hasil

Kawalan terhadap pelbagai borang hasil seperti buku resit adalah penting bagi memastikan ia tidak disalahgunakan.

4.6.3.2. Penerimaan Wang

Setiap Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan pegawai yang bertanggungjawab dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap beberapa aspek kawalan dalaman yang ditetapkan oleh AP atau peraturan yang ditetapkan oleh Agensi Negeri bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/kelulusan menerima kutipan, kawalan penerimaan wang di kaunter, penerimaan melalui mel dan perbankan *internet* serta pengeluaran resit dan perekodannya dalam Buku Tunai.

4.6.3.3. Kemasukan Pungutan Ke Bank

AP telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank, kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya, semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak sempat dimasukkan ke bank.

4.6.3.4. Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam AP dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri, ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai.

4.6.3.5. Akaun Belum Terima

Dasar dan tatacara penyelenggaraan dan pelaporan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh kerajaan melalui 1PP WP 10.6 dan AP 89A. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Laporan Tunggakan Hasil atau Laporan ABT yang lengkap dan kemas kini, penyerahan Laporan ABT kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

4.6.4. Pengurusan Perolehan

Setiap tahun Jabatan/Agensi Negeri membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi memastikan perolehan dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus baik dengan mematuhi prinsip perolehan seperti akauntabiliti awam, diuruskan secara telus, memberi nilai faedah yang terbaik, saingen terbuka serta adil dan saksama, semakan Audit telah dijalankan terhadap 2 aspek utama kawalan perolehan iaitu perancangan perolehan dan kaedah perolehan meliputi pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender dan kontrak.

4.6.4.1. Perancangan Perolehan

1PP PK 2 menetapkan Jabatan/Agensi perlu membuat perancangan perolehan bagi mengawal kos dan menangani masalah melaksanakan sesuatu perolehan. Perancangan perolehan tahunan hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan.

4.6.4.2. Kaedah Perolehan

1PP PK 2 menetapkan kaedah perolehan bagi bekalan dan perkhidmatan yang melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan sehingga RM20,000 hendaklah dilaksanakan secara Pembelian Terus dengan mendapatkan 3 tawaran harga daripada pembekal tempatan, perolehan melebihi RM20,000 hingga RM50,000 setahun secara sebut harga dengan mempelawa daripada sekurang-kurangnya 3 pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan, melebihi RM50,000 hingga RM500,000 secara sebut harga dengan mempelawa daripada sekurang-kurangnya 5 pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan melebihi RM500,000 secara tender. Antara peraturan perolehan yang ditetapkan adalah proses penilaian, pertimbangan dan keputusan pemilihan sebut harga/tender oleh Jawatankuasa Sebut Harga/Lembaga Perolehan yang dilantik oleh Ketua Jabatan/Pegawai Pengawal, pelaksanaan *Integrity Pact*, kontrak dibuat atas nama kerajaan dan ditandatangani dalam tempoh 4 bulan dari tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan.

4.6.5. Kawalan Perbelanjaan

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap 2 aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

4.6.5.1. Perakaunan

Semakan Audit dijalankan bagi menentukan Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Jabatan/Agensi Negeri mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling dan AP yang berkaitan.

4.6.5.2. Pengurusan Bayaran

Semakan Audit dijalankan terhadap bayaran mengikut had kuasa berbelanja yang diluluskan, kawalan dalaman proses bayaran, bayaran yang memerlukan kelulusan khas, penyelenggaraan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil, bayaran pukal serta Panjar Wang Runcit.

4.6.6. Pengurusan Wang Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit

Pengurusan dan kawalan terhadap kumpulan wang amanah/akaun amanah dan deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut Pekeliling dan Arahan Amanah yang ditetapkan serta diakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengurusan kumpulan wang seperti berikut:

4.6.6.1. Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah

Tatacara pengurusan Akaun Amanah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 ditetapkan melalui 1PP WP 10.4. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian kumpulan wang amanah/akaun amanah di Jabatan/Agensi Negeri dari segi penyediaan dan penyerahan Penyata Terimaan Dan Bayaran tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian.

4.6.6.2. Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman

Jabatan/Agensi Negeri perlu menguruskan kumpulan wang pinjaman dan pendahuluan diri mengikut pekeliling perbendaharaan berkaitan seperti berikut atau peraturan yang ditetapkan oleh Agensi Negeri:

- a. Pinjaman kenderaan hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di 1PP WP 9.2 dan 1PP WP 9.3.
- b. Pinjaman komputer hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di 1PP WP 9.1.
- c. Pendahuluan diri hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di 1PP WP 3.2.

4.6.6.3. Pengurusan Akaun Deposit

Tatacara dan pengurusan akaun deposit ditetapkan melalui AP 156 hingga 163. Manakala bagi Agensi Negeri yang mempunyai peraturan kewangan dan perakaunan sendiri, pengurusan akaun deposit perlu mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

4.6.7. Pengurusan Aset Dan Stor

Perolehan aset dan barang stor perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan daripada berlaku pembaziran dan penyalahgunaan. Sehubungan itu, semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Jabatan/Agensi Negeri kepada peraturan yang ditetapkan oleh pekeliling pertubuhan yang berkenaan dan peraturan Agensi Negeri berhubung dengan perkara seperti berikut:

4.6.7.1. Kawalan Umum

Mengikut 1PP AM 1.1, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang antaranya bertanggungjawab untuk mengurus pelantikan Pegawai Aset, Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa Pelupusan, Jawatankuasa Penyiasat dan Pemverifikasi Stor. Unit tersebut diberi tanggungjawab menjadi Urus Setia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK), menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapis kira aset serta menyelaras penyediaan laporan aset dan stor. Selain itu, Pegawai Pengawal perlu melantik seorang Pegawai Aset secara bertulis bagi setiap Pusat Tanggungjawab di bawahnya dan memastikan Pegawai Aset di peringkat Ibu Pejabat diberi tanggungjawab sebagai Setiausaha JKPAK.

4.6.7.2. Penerimaan

Mengikut 1PP AM 2.2 dan 1PP AM 6.2, seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset/barang stor yang diterima. Tanggungjawab seseorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/barang stor yang diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum membuat pengesahan penerimaan. Aset hendaklah diterima berserta Surat Jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraan. Bagi penerimaan barang stor, Borang Terima Barang-barang perlu disediakan oleh Pegawai Penerima. Sebarang kerosakan atau perselisihan kuantiti dan spesifikasi hendaklah dilaporkan dalam Borang Laporan Penerimaan Aset/Borang Laporan Terima Barang-Barang dan dihantar dengan serta merta kepada agen penghantaran atau syarikat pembekal.

4.6.7.3. Pendaftaran

1PP AM 2.3 menetapkan aset perlu didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. Aset tersebut perlu dilabelkan dengan tanda Hak Kerajaan Malaysia dan nombor siri pendaftaran.

4.6.7.4. Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset dan stok diurus dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan peraturan seperti berikut dipatuhi.

- a. 1PP AM 2.4 menetapkan aset hendaklah diguna hanya bagi tujuan rasmi sahaja. Pengeluaran/penggunaan aset hendaklah direkodkan dengan teratur dan kerosakan dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan.
- b. Aset perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai. Aset dan barang stor yang menarik atau berharga hendaklah sentiasa di bawah kawalan yang maksimum. Stor hendaklah mengamalkan cara penyimpanan yang menjadikan stok tidak mudah rosak, senang dikeluarkan dan mempunyai ruang penggunaan yang optimum.
- c. Pengerusi JKPAK hendaklah melantik sekurang-kurangnya 2 orang Pegawai Pemeriksa dan 2 orang Pemverifikasi Stor. Tempoh lantikan tidak melebihi 2 tahun. Pemeriksaan aset dan verifikasi stor terhadap semua aset dan stok hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Aset Alih Bernilai Rendah serta Laporan Pemeriksaan/Verifikasi Stor hendaklah disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Negeri yang mana berkenaan. 1PP AM 2.4 dan 1PP AM 6.6 adalah berkaitan.

4.6.7.5. Penyenggaraan Aset

Bagi memastikan aset disenggarakan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan Senarai Aset Yang Memerlukan Penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini, jadual penyenggaraan disediakan, penyenggaraan dilaksanakan seperti dirancang serta direkodkan dengan betul dan lengkap, program penyenggaraan dinilai, penyenggaraan aset oleh pihak swasta diselia dan dipantau bagi memastikan syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi. 1PP AM 2.5 adalah berkaitan.

4.6.7.6. Pelupusan

Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1PP AM 2.6, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Lembaga Pemeriksa Pelupusan (LPP) dilantik untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun. LPP perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan melaksanakan pemeriksaan dalam tempoh satu bulan dari tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan ditandatangani dengan mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai.
- b. Perakuan Pelupusan hendaklah dikeluarkan bagi aset mekanikal, teknikal, elektrik/elektronik dan ICT oleh pegawai yang mempunyai kelayakan dalam bidang tersebut.

- c. Kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan pelupusan dilaksanakan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh kelulusan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset dan Sijil Pelupusan Aset disediakan dan dikemukakan kepada Kuasa Melulus. Rekod aset yang telah dilupuskan perlu dikemaskinikan.

4.6.7.7. Kehilangan Dan Hapus Kira

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1PP AM 2.7, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari masa kehilangan diketahui. Ketua Jabatan menyedia dan menghantar Laporan Awal Kehilangan Aset kepada Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh 2 hari bekerja. Salinan Laporan Awal hendaklah dikemukakan kepada Akauntan Negara, Ketua Audit Negara dan wakil tempatan Ketua Audit Negara.
- b. Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu dari tarikh Laporan Awal ditandatangani. Jawatankuasa Penyiasat bertanggungjawab menyediakan Laporan Akhir dalam tempoh satu bulan dari tarikh pelantikan. Pegawai Pengawal bertanggungjawab mengesyorkan tindakan menghapus kira aset yang hilang. Laporan Akhir yang mengandungi permohonan hapus kira kehilangan hendaklah dikemukakan kepada Kuasa Melulus dalam tempoh 2 bulan dari tarikh Laporan Awal disediakan. Sijil Hapus Kira Aset hendaklah dikemukakan kepada Kuasa Melulus dalam tempoh satu bulan dari tarikh kelulusan diperoleh.

4.6.8. Pengurusan Kenderaan Kerajaan

Bagi memastikan kenderaan kerajaan diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1PP WP 4.1, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

4.6.8.1. Penggunaan kenderaan Jabatan/Agensi Negeri dikawal dengan melantik seorang Pegawai Kenderaan yang bertanggungjawab meluluskan penggunaan kenderaan untuk tujuan rasmi sahaja, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta membuat analisa kadar penggunaan bahan api bulanan.

4.6.8.2. Kad Inden disimpan oleh Pegawai Kenderaan setiap masa melainkan ada keperluan mengisi minyak. Buku Rekod Pergerakan Kad Inden diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Penyata pembelian/Penyata Kad perlu disemak silang dengan resit sebelum bayaran dilakukan.

4.6.8.3. Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KSBTTR) disimpan oleh Pegawai Kenderaan setiap masa melainkan ada keperluan menggunakannya. Buku Rekod

Pergerakan Dan Penggunaan KSBTTR perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Pegawai Kenderaan hendaklah mendapatkan penyata penggunaan kad daripada syarikat pengeluar kad untuk tujuan semakan bagi memastikan tidak berlakunya penyalahgunaan kad.

4.6.8.4. Kenderaan perlu disenggarakan secara berjadual. Butir penyenggaraan dan pembaikan yang dilaksanakan direkod dalam Buku Log dan Daftar Penyenggaraan Harta Modal.

4.6.9. Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman

4.6.9.1. Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi suatu tempoh masa untuk memperoleh pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terbabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agensi. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa melabur, had pelaburan, sasaran pelaburan dan pemantauan pelaburan.

4.6.9.2. Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kehidupan penduduk. Pinjaman hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dimohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam, penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan serta mekanisme kawalan dan pemantauan pinjaman.

4.6.10. Pengurusan Penyata Kewangan


Keperluan penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan untuk diaudit adalah mengikut Mesyuarat Perhubungan Antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Bil. 1 tahun 2009 dan Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil. 1 Tahun 2015. Pekeliling tersebut menghendaki Agensi Negeri mengemukakan Penyata Kewangan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat dari 28 Februari setiap tahun. Ini membolehkan Penyata Kewangan dan Laporan Tahunan Agensi Negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada tahun yang sama dan tidak lewat dari 31 Disember setiap tahun. Pekeliling ini bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus yang baik di semua Agensi Negeri. Di samping itu, pembentangan awal membolehkan *stakeholders* menilai prestasi Agensi Negeri dengan lebih jelas, lengkap dan relevan.

4.7. PENEMUAN AUDIT

4.7.1. Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan

Pada keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2015 adalah baik. Pada tahun 2015, daripada 13 Jabatan/Agensi yang diaudit, sebanyak 8 Jabatan/Agensi mendapat tahap penarafan cemerlang, 2 Jabatan/Agensi mendapat penarafan pada tahap baik dan 3 Jabatan mendapat penarafan pada tahap memuaskan. Bagaimanapun, bilangan Jabatan/Agensi yang mendapat tahap cemerlang (5 bintang iaitu 90 markah ke atas) pada tahun 2015 menurun kepada 8 berbanding 9 pada tahun 2014. Tahap prestasi pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti mengikut Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2015 adalah seperti di **Carta 4.1**.

Carta 4.1
Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti
Jabatan/Agensi Negeri Pada Tahun 2015




Sumber: Jabatan Audit Negara

4.7.2. Tahap Pematuhan Terhadap Kawalan Utama

4.7.2.1. Jabatan Negeri

- a. Semakan Audit di 8 Jabatan mendapati 3 Jabatan mencatatkan tahap cemerlang, 4 Jabatan mencapai tahap baik manakala satu Jabatan mencapai tahap memuaskan dalam Kawalan Pengurusan. Kesemua 8 Jabatan memperoleh tahap cemerlang dalam Kawalan Bajet. Bagi Kawalan Perbelanjaan pula 7 Jabatan memperoleh tahap cemerlang dan satu Jabatan pada tahap baik. Manakala bagi Kawalan Perolehan, 3 Jabatan memperoleh tahap cemerlang, 4 Jabatan pada tahap baik dan satu Jabatan pada tahap tidak memuaskan. Bagi Kawalan Terimaan, masing-masing 4 Jabatan memperoleh tahap cemerlang dan baik. Sebanyak 6 Jabatan memperoleh tahap cemerlang dalam Pengurusan Akaun Amanah Dan Deposit dan 2 Jabatan pada tahap baik. Manakala, bagi Pengurusan Aset Dan Stor pula, sebanyak 1 Jabatan berada pada tahap cemerlang, 4 Jabatan pada tahap baik, 2 Jabatan pada tahap memuaskan dan satu Jabatan pada tahap kurang memuaskan. Bagi Pengurusan Kenderaan, 3 Jabatan memperoleh tahap cemerlang, satu Jabatan berada pada tahap baik, 3 Jabatan pada tahap memuaskan dan satu Jabatan pada tahap kurang memuaskan. Tahap pematuhan pengurusan kewangan mengikut kawalan bagi Jabatan adalah seperti di **Carta 4.2**.

Carta 4.2
Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan 8 Jabatan
Mengikut 8 Kawalan Utama Jabatan Negeri Tahun 2015




Sumber: Jabatan Audit Negara

- b. Kelemahan-kelemahan yang ditemui bagi Jabatan Negeri yang mendapat penarafan tidak memuaskan dalam pengurusan perolehan adalah seperti berikut:
 - i. Pesanan tempatan diluluskan oleh pegawai yang tidak diberi kuasa.
 - ii. Kajian pasaran tidak dibuat dengan mendapatkan sekurang-kurangnya 3 tawaran harga daripada pembekal tempatan.
 - iii. Perolehan bagi item yang sama berjumlah RM25,000 tidak dibuat secara sebut harga.
 - iv. Keahlian Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga tidak mengikut peraturan yang ditetapkan. Manakala proses sebut harga tidak dibuat dengan teratur kerana laporan penilaian dan keputusan sebut harga tidak ditandatangani oleh ahli jawatankuasa yang dilantik.
 - v. daftar/ rekod pembayaran kontrak tidak diselenggarakan.
 - vi. kontrak formal tidak ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa kerana tiada penurunan kuasa menandatangani kontrak secara bertulis dikeluarkan.

4.7.2.2. Agensi Negeri

- a. Analisis terhadap tahap pencapaian pengurusan kewangan mendapati kesemua 5 Agensi Negeri mencapai tahap cemerlang dalam Pengurusan Pelaburan. Bagi aspek penyata kewangan pula mendapati 3 agensi berada pada tahap cemerlang dan 2 agensi pada tahap memuaskan. Bagi pengurusan aset dan stor, sebanyak 2 agensi berada pada tahap tidak memuaskan, 2 agensi pada tahap kurang memuaskan dan satu agensi pada tahap cemerlang. Manakala dalam aspek pengurusan Akaun Amanah Dan Deposit, terdapat satu agensi yang berada pada tahap tidak memuaskan, 3 agensi pada tahap baik dan satu agensi berada pada tahap cemerlang. Maklumat lanjut seperti di **Carta 4.3**.

Carta 4.3
Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan Mengikut Kawalan
Bagi Pejabat Perbendaharaan Negeri Dan Agensi Negeri Tahun 2015



Sumber: Jabatan Audit Negara

- b. Kelemahan-kelemahan yang ditemui bagi Agensi Negeri yang mendapat penarafan tidak memuaskan dalam Pengurusan Aset Dan Stor serta Akaun Amanah Dan Deposit adalah seperti berikut:
- Tiada mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun dijalankan pada tahun 2015.
 - Tiada pemeriksaan aset dijalankan pada tahun 2015 dan Laporan KEW.PA-10 dan KEW.PA-11 tidak disediakan untuk dikemukakan kepada Pengarah.
 - KEW.PA-2 dan KEW.PA-3 tidak diselenggara dengan lengkap kerana tiada tandatangan Ketua Jabatan/Bahagian dan ruangan penempatan tidak diisi dengan nama dan tandatangan pegawai yang ditempatkan aset berkenaan.
 - Pemeriksaan aset, pemeriksaan stok dan verifikasi stor tidak dijalankan.
 - Pegawai Pemeriksaan Aset/Pemberivikasi Stok yang dilantik adalah terdiri daripada pegawai yang terlibat dengan pengurusan stor.
 - Buku Log tidak diselenggarakan dengan lengkap. Setiap perjalanan tidak mendapat kelulusan daripada Pegawai Kenderaan. Analisa Kadar Penggunaan Bahan Api Bulanan pada setiap akhir bulan juga tidak disediakan oleh Pegawai Kenderaan.
 - Daftar Pendahuluan Diri tidak diselenggarakan dengan lengkap seperti tarikh kelulusan permohonan dan tarikh baucar tidak dicatat.


- viii. Dua daripada 11 penerima pendahuluan diri masih belum membuat bayaran balik dan pelarasan. Manakala 6 daripada 11 penerima pendahuluan diri lewat membuat bayaran balik dan pelarasan mengikut tempoh yang ditetapkan antara 1 hingga 9 bulan.
- ix. Tiada tindakan penalti dikenakan walaupun surat peringatan dikeluarkan kepada penerima pendahuluan diri berkenaan.
- x. Daftar Pendahuluan Pelbagai tidak diselenggarakan dengan lengkap kerana tidak mengandungi ruangan tarikh permohonan diluluskan, nama pegawai yang bertanggungjawab terhadap pelarasan/penyehesiaian dan tarikh aktiviti/program disempurnakan.

4.7.3. Perbandingan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri

4.7.3.1. Analisis Audit terhadap Jabatan/Agensi Negeri yang telah dilaksanakan pengauditan pada setiap tahun bagi tempoh 2010 hingga 2015, menunjukkan tahap prestasi pengurusan kewangan Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri adalah sangat baik bagi 3 tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2012 hingga 2014 dan mencapai tahap cemerlang pada tahun 2015.

4.7.3.2. Analisis perbandingan terhadap 13 Jabatan/Agensi Negeri yang telah dilaksanakan pengauditan pusingan kali kedua/ketiga bagi tahun 2009/2010, 2011/2012 dan 2015 menunjukkan 2 Jabatan/Agensi Negeri berjaya mengekalkan tahap cemerlang/sangat baik berbanding tahun sebelumnya. Manakala 6 Jabatan/Agensi Negeri berjaya mencapai tahap cemerlang pada tahun 2015 berbanding tahun sebelumnya. Analisis juga menunjukkan skor bagi 7 Jabatan/Agensi Negeri telah meningkat manakala 6 Jabatan/Agensi Negeri mengalami penurunan skor berbanding tahun sebelumnya. Tujuh Jabatan/Agensi Negeri yang mencatat peningkatan skor ialah Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu, Pejabat Tanah Dungun, Pejabat Daerah Besut, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Jabatan Perancang Bandar Dan Desa, Pejabat Daerah Setiu dan Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu. Pejabat Daerah Setiu menunjukkan peningkatan paling tinggi iaitu daripada 79.22% kepada 90.22%. Manakala Pejabat Daerah Marang mencatatkan penurunan skor paling ketara kepada 71.77% berbanding 85.32% pada tahun sebelumnya. Kedudukan tahap pencapaian pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2015 berbanding pencapaian tahun sebelumnya adalah seperti di **Carta 4.4**.

Carta 4.4
Tahap Pencapaian Pengurusan Kewangan
Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Bagi Jabatan/Agenzi Negeri Tahun 2015
Berbanding Pencapaian Tertinggi Tahun Sebelumnya



Sumber: Jabatan Audit Negara

4.8. PEMERIKSAAN AUDIT MENGEJUT

4.8.1. Pemeriksaan Audit Mengejut merupakan satu pendekatan audit yang dilaksanakan tanpa memaklumkan terlebih dahulu tarikh sebenar lawatan kepada pihak Audit. Semakan dijalankan terhadap borang hasil dikawal, hasil, wang awam, harta awam, barang berharga yang disimpan oleh Pejabat/Agenzi Kerajaan supaya diuruskan mengikut peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa serta wujud pematuhan kepada Arahan Perbendaharaan/Perkhidmatan termasuk juga lawatan dan tinjauan secara mengejut terhadap aktiviti dan operasi Jabatan/ Agenzi.

4.8.2. Pada tahun 2015, Pemeriksaan Audit Mengejut telah dijalankan terhadap 17 buah Jabatan/Pejabat Kerajaan Negeri. Hasil daripada Pemeriksaan Audit Mengejut yang

dijalankan mendapati secara keseluruhannya sejumlah 2 pejabat atau 11.8% daripada 17 Jabatan/Pejabat tersebut telah mematuhi kesemua peraturan dan prosedur utama yang ditetapkan dan sejumlah 15 Jabatan/Pejabat lagi atau 88.2% masih tidak mematuhi semua peraturan. Jabatan Pengairan Dan Saliran, Daerah Kemaman dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Setiu didapati mematuhi peraturan dengan sepenuhnya. Antara penemuan Audit bagi 15 Jabatan/Pejabat lagi yang masih tidak mematuhi semua peraturan dan prosedur utama, adalah seperti di **Jadual 4.4**. Ketua Jabatan/Pejabat Negeri yang berkaitan telah dimaklumkan berkenaan perkara yang dibangkitkan dan telah diminta untuk mengambil tindakan pembetulan dengan sewajarnya.

Jadual 4.4
Penemuan Audit Hasil Pemeriksaan Audit Mengejut Bagi Tahun 2015

Bil.	Jabatan/Pejabat	Penemuan Audit
1.	Jabatan Pengairan Dan Saliran, Setiu	<ul style="list-style-type: none"> a. Wang Kutipan <ul style="list-style-type: none"> i. Pegawai yang bertanggungjawab tidak menyemak cetakan di slip bayar masuk bank/penyata pemungut. b. Setem Pos/ Mesin Franking <ul style="list-style-type: none"> i. Baki stok setem fizikal tidak bersamaan dengan Daftar Setem. Terdapat terimaan dan pengeluaran tidak direkod dan disahkan oleh Ketua Pejabat. c. Kawalan Perbelanjaan <ul style="list-style-type: none"> i. Baucar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar tidak ditebuk/cap “TELAH BAYAR”. ii. Semua bil yang diterima tidak di cap “TARIKH TERIMA” bagi tujuan pemantauan bayaran.
2.	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Besut	<ul style="list-style-type: none"> a. Wang Kutipan <ul style="list-style-type: none"> i. Jumlah kutipan lewat dibankkan. b. Peti Besi/Bilik Kebal <ul style="list-style-type: none"> i. Peti besi/bilik kebal mempunyai anak kunci dan kod kombinasi yang hanya dipegang oleh seorang pegawai. Tiada surat kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan bagi pegawai yang bertanggungjawab. c. Daftar Pemeriksaan Mengejut <ul style="list-style-type: none"> i. Tiada pengesahan dibuat menunjukkan Ketua Jabatan telah membuat pemeriksaan mengejut tidak kurang sekali dalam tempoh 6 bulan. d. Kawalan Perbelanjaan <ul style="list-style-type: none"> i. Had kuasa berbelanja yang ditetapkan dalam sistem tidak selaras dengan perwakilan kuasa menandatangani baucer yang diluluskan. ii. Semua bil yang diterima tidak di cap “TARIKH TERIMA” bagi tujuan pemantauan bayaran.
3.	Pejabat Agama Daerah Setiu	<ul style="list-style-type: none"> a. Wang Kutipan <ul style="list-style-type: none"> i. Resit Rasmi tidak dikeluarkan bagi setiap terimaan. ii. Terdapat kutipan lewat direkodkan ke dalam Buku Tunai. iii. Jumlah kutipan lewat dibankkan. iv. Pegawai yang bertanggungjawab tidak menyemak cetakan di slip bayar masuk bank/penyata pemungut. v. Daftar Borang Hasil tidak diselenggarakan untuk menunjukkan semua terimaan dan keluaran Stok Resit Rasmi, lesen dan borang akuan terima lain yang diterima.

Bil.	Jabatan/Pejabat	Penemuan Audit
		<p>b. Notis Pemberitahuan Awam</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Notis Pemberitahuan Awam untuk mendapatkan resit rasmi setelah wang dibayar ada dipamerkan. <p>c. Barang Berharga</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Barang-barang berharga tidak disimpan di tempat yang selamat. <p>d. Perwakilan Kuasa</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kad akses/kata laluan bagi pegawai bertukar/berhenti tidak dibatalkan. <p>e. Peti Besi/Bilik Kebal</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Tiada surat kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan terhadap pegawai yang bertanggungjawab. <p>f. Daftar Pemeriksaan Mengejut</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Tiada pengesahan dibuat bahawa Ketua Jabatan telah melakukan Pemeriksaan Mengejut tidak kurang sekali dalam tempoh 6 bulan. ii. Tiada bukti hasil Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan direkodkan ke dalam buku yang disimpan. <p>g. Kawalan Perbelanjaan</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Baucar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar tidak ditebuk/cap "TELAH BAYAR". ii. Bil yang diterima tidak di cap "TARIKH TERIMA" bagi tujuan pemantauan bayaran. iii. Tiada bukti semakan dibuat pada buku vot setiap bulan oleh penyelia.
4.	Pejabat Agama Daerah Kemaman	<p>a. Wang Kutipan</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Tiada perakuan dibuat dibelakang helai pertama salinan buku resit untuk mengesahkan bahawa nombor siri resit adalah betul. <p>b. Panjar Wang Runcit (PWR)</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Semua tuntutan rekupmen belum diterima. <p>c. Barang Berharga</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Daftar Barang Berharga/ Barang Exhibit tidak diselenggara dan tidak dikemas kini. ii. Barang-barang berharga tidak disimpan di tempat yang selamat. <p>d. Peti Besi/Bilik Kebal</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Peti besi/Bilik kebal mempunyai anak kunci dan kod kombinasi yang berasingan yang dipegang oleh dua orang pegawai yang bertanggungjawab. Tiada surat kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan kepada pegawai yang bertanggungjawab. <p>e. Daftar Pemeriksaan Mengejut</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Tiada pengesahan dibuat menunjukkan Ketua Jabatan telah melakukan Pemeriksaan Mengejut tidak kurang sekali dalam tempoh 6 bulan. ii. Hasil Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan tidak direkodkan ke dalam buku yang disimpan.

Bil.	Jabatan/Pejabat	Penemuan Audit
5.	Pejabat Agama Daerah Dungun	<p>a. Wang Kutipan</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Resit Rasmi tidak dikeluarkan dengan segera. <p>b. Panjar Wang Runcit (PWR)</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Semua tuntutan rekupmen belum diterima. <p>c. Perwakilan Kuasa</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kad akses/Kata laluan bagi pegawai bertukar/bercuti tidak dibatalkan. <p>d. Setem Pos/Mesin Franking</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Terdapat terimaan dan pengeluaran tidak direkod dan disahkan oleh Ketua Pejabat. <p>e. Peti Besi/Bilik Kebal</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Tiada surat kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan kepada pegawai yang bertanggungjawab. <p>f. Daftar Pemeriksaan Mengejut</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Tiada pengesahan dibuat menunjukkan Ketua Jabatan telah melakukan Pemeriksaan Mengejut tidak kurang sekali dalam tempoh 6 bulan. ii. Tiada bukti hasil Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan direkodkan ke dalam buku yang disimpan. <p>g. Kawalan Perbelanjaan</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Had kuasa berbelanja yang ditetapkan dalam sistem tidak selaras dengan perwakilan kuasa menandatangani baucar yang diluluskan. ii. Semua bil yang diterima tidak dibayar segera dalam tempoh 14 hari. iii. Sampel baucer tidak di cap "TARIKH TERIMA" bagi tujuan pemantauan bayaran. iv. Buku Vot/Buku Vot elektronik tidak disemak sekurang-kurangnya sekali setiap bulan oleh penyelia.
6.	Pejabat Agama Daerah Hulu Terengganu	<p>a. Setem Pos/ Mesin Franking</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Terdapat terimaan dan pengeluaran tidak direkod dan disahkan oleh Ketua Pejabat. <p>b. Daftar Pemeriksaan Mengejut</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Tiada pengesahan dibuat menunjukkan Ketua Jabatan telah melakukan Pemeriksaan Mengejut tidak kurang sekali dalam tempoh 6 bulan. ii. Hasil Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan tidak direkodkan ke dalam buku yang disimpan.
7.	Pejabat Agama Daerah Besut	<p>a. Wang Kutipan</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pegawai yang bertanggungjawab tidak menyemak cetakan di slip bayar masuk bank/penyata pemungut. <p>b. Perwakilan Kuasa</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kad akses/katalaluan bagi pegawai bertukar/berhenti tidak dibatalkan. <p>c. Setem Pos/ Mesin Franking</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Terdapat terimaan dan pengeluaran tidak direkod dan disahkan oleh Ketua Pejabat.

Bil.	Jabatan/Pejabat	Penemuan Audit
		<p>d. Peti Besi/Bilik Kebal</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Peti besi/bilik kebal mempunyai anak kunci dan kod kombinasi yang hanya dipegang oleh seorang pegawai. Tiada surat kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan bagi pegawai yang bertanggungjawab. <p>e. Daftar Pemeriksaan Mengejut</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Tiada pengesahan dibuat menunjukkan Ketua Jabatan telah melakukan Pemeriksaan Mengejut tidak kurang sekali dalam tempoh 6 bulan. ii. Hasil Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan tidak direkodkan ke dalam buku yang disimpan. <p>f. Kawalan Perbelanjaan</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Buku Vot/Buku Vot elektronik tidak disemak sekurang-kurangnya sekali setiap bulan oleh penyelia.
8.	Pejabat Veterinar Daerah Dungun	<p>a. Panjar Wang Runcit (PWR)</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Maklumat baucar bayaran tidak direkod dalam Buku Tunai PWR dengan lengkap. <p>b. Peti Besi/Bilik Kebal</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Peti besi/bilik kebal mempunyai anak kunci dan kod kombinasi yang hanya dipegang oleh seorang pegawai. <p>c. Kawalan Perbelanjaan</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Baucar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar tidak ditebuk/cap “TELAH BAYAR”. ii. Pembayaran baucar tidak dibuat dengan betul dan tidak tepat. iii. Terdapat bil yang diterima tidak di cap “TARIKH TERIMA” bagi tujuan pemantauan bayaran.
9	Pejabat Veterinar Daerah Kuala Terengganu	<p>a. Wang Kutipan</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Terdapat kutipan lewat direkodkan ke dalam Buku Tunai ii. Jumlah kutipan lewat dibankkan iii. Daftar Borang Hasil tidak diselenggarakan untuk menunjukkan semua terimaan dan keluaran Stok Resit Rasmi, lesen dan borang akuan terima lain yang diterima. iv. Tiada perakuan dibuat di belakang helai pertama salinan buku resit untuk mengesahkan bahawa nombor siri resit adalah betul. v. Baki stok borang hasil di daftar tidak bersamaan dengan baki sebenar. <p>b. Setem Pos/Mesin Franking</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Baki stok setem fizikal tidak bersamaan dengan Daftar Setem. ii. Terdapat terimaan dan pengeluaran tidak direkod dan disahkan oleh Ketua Pejabat. <p>c. Peti Besi/Bilik Kebal</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Peti besi/bilik kebal tidak digunakan untuk menyimpan segala wang kutipan dan barang-barang rasmi yang berharga dengan selamat. ii. Peti besi/bilik kebal mempunyai anak kunci dan kod kombinasi yang hanya dipegang oleh seorang pegawai. Tiada surat kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan bagi pegawai yang bertanggungjawab.

Bil.	Jabatan/Pejabat	Penemuan Audit
		<p>d. Daftar Pemeriksaan Mengejut</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Tiada pengesahan dibuat bahawa Ketua Jabatan telah melakukan Pemeriksaan Mengejut tidak kurang sekali dalam tempoh 6 bulan. <p>e. Kawalan Perbelanjaan</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Baucar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar tidak ditebuk/cap “TELAH BAYAR”.
10.	Pejabat Veterinar Daerah Setiu	<p>a. Wang Kutipan</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Resit Rasmi tidak dikeluarkan bagi setiap terimaan. ii. Resit Rasmi tidak dikeluarkan secara bersiri. iii. Terdapat kutipan lewat direkodkan ke dalam Buku Tunai. iv. Resit Rasmi Jabatan Akauntan Negara Malaysia tidak diterima untuk jumlah yang dibankkan. v. Kutipan wang lewat dibankkan. vi. Pegawai yang bertanggungjawab tidak menyemak cetakan di slip bayar masuk bank/penyata pemungut. vii. Kutipan yang tidak sempat dimasukkan ke bank tidak disimpan di dalam peti besi/bilik kebal. viii. Semua stok Resit Rasmi, lesen dan borang akuan terima lain yang belum digunakan tidak disimpan di tempat selamat dalam peti besi atau bilik kebal. <p>b. Perwakilan Kuasa</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Perwakilan kuasa secara bertulis tidak disediakan. ii. Kad akses/kata laluan bagi pegawai bertukar/berhenti tidak dibatalkan. <p>c. Peti Besi/Bilik Kebal</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Peti besi/bilik kebal tidak digunakan untuk menyimpan segala wang kutipan dan barang-barang rasmi yang berharga dengan selamat. ii. Peti besi/bilik kebal mempunyai anak kunci dan kod kombinasi yang hanya dipegang oleh seorang pegawai. Tiada surat kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan bagi pegawai yang bertanggungjawab. <p>d. Daftar Pemeriksaan Mengejut</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Tiada pengesahan dibuat bahawa Ketua Jabatan telah melakukan Pemeriksaan Mengejut tidak kurang sekali dalam tempoh 6 bulan. ii. Tiada bukti hasil Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan direkodkan ke dalam buku yang disimpan. <p>e. Kawalan Perbelanjaan</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Had kuasa berbelanja yang ditetapkan dalam sistem tidak selaras dengan perwakilan kuasa menandatangani baucar yang diluluskan. ii. Baucar bayaran yang diluluskan melebihi had kuasa berbelanja yang dibenarkan.
11.	Pejabat Veterinar Daerah Kemaman	<p>a. Wang Kutipan</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Tiada perakuan dibuat di belakang helai pertama salinan buku resit untuk mengesahkan bahawa nombor siri resit adalah betul. <p>b. Daftar Pemeriksaan Mengejut</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Tiada pengesahan dibuat menunjukkan Ketua Jabatan telah melakukan Pemeriksaan Mengejut tidak kurang sekali dalam tempoh 6 bulan.

Bil.	Jabatan/Pejabat	Penemuan Audit
12.	Pejabat Hutan Daerah Terengganu Utara, Kuala Terengganu	<p>a. Setem Pos/ Mesin Franking</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Terdapat terimaan dan pengeluaran tidak direkod dan disahkan oleh Ketua Pejabat. <p>b. Kawalan Perbelanjaan</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Baucar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar tidak ditebuk/cap “TELAH BAYAR”. ii. Semua bil yang diterima tidak dibayar segera dalam tempoh 14 hari. iii. Semua bil yang diterima tidak di cap “TARIKH TERIMA” bagi tujuan pemantauan bayaran. iv. Buku Vot/Buku Vot elektronik tidak disemak sekurang-kurangnya sekali setiap bulan oleh penyelia.
13.	Pejabat Hutan Daerah Terengganu Barat, Kuala Berang	<p>a. Wang Kutipan</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Wang kutipan tidak direkodkan dalam buku tunai. ii. Jumlah kutipan tidak dibankkan. iii. Wang kutipan tidak disimpan di tempat yang selamat (di luar peti besi). <p>b. Panjar Wang Runcit</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Baki fizikal wang panjar berbeza dengan baki rekod Buku Tunai Panjar Wang Runcit. ii. Maklumat baucer bayaran tidak direkod dalam buku tunai PWR dengan lengkap. <p>c. Perwakilan Kuasa</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Perwakilan kuasa secara bertulis tidak disediakan. ii. Kad akses tidak berada pada pegawai yang diberi kuasa. <p>d. Setem Pos/Mesin Franking</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Baki stok setem fizikal tidak bersamaan dengan Daftar Setem. ii. Terdapat terimaan dan pengeluaran tidak direkodkan dan disahkan oleh Ketua Pejabat. <p>e. Pemeriksaan Mengejut</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Tiada pengesahan dibuat menunjukkan Ketua Jabatan telah melakukan Pemeriksaan Mengejut tidak kurang sekali dalam tempoh 6 bulan.
14.	Pejabat Pertanian Daerah Hulu Terengganu	<p>a. Daftar Pemeriksaan Mengejut</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Tiada pengesahan dibuat menunjukkan Ketua Jabatan telah melakukan Pemeriksaan Mengejut tidak kurang sekali dalam tempoh 6 bulan. ii. Hasil Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan tidak direkodkan ke dalam buku yang disimpan.
15.	Jabatan Kerja Raya Daerah Marang	<p>a. Wang Kutipan</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Jumlah kutipan lewat dibankkan. <p>b. Setem Pos/Mesin Franking</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Baki stok setem fizikal tidak bersamaan dengan Daftar Setem. ii. Terdapat terimaan dan pengeluaran tidak direkod dan disahkan oleh Ketua Pejabat. <p>c. Daftar Pemeriksaan Mengejut</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Tiada pengesahan dibuat menunjukkan Ketua Jabatan telah melakukan Pemeriksaan Mengejut tidak kurang sekali dalam tempoh 6 bulan.

Bil.	Jabatan/Pejabat	Penemuan Audit
		<p>d. Kawalan Perbelanjaan</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Tiada perwakilan kuasa bertulis dikeluarkan bagi meluluskan dan menandatangani baucar bayaran. ii. Baucar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar tidak ditebuk/cap “TELAH BAYAR”. iii. Semua bil yang diterima tidak di cap “TARIKH TERIMA” bagi tujuan pemantauan bayaran.

Sumber: Jabatan Audit Negara

4.9. SYOR AUDIT

Sungguhpun sebahagian besar prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2015 menunjukkan peningkatan, namun bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan ini, adalah disyorkan supaya Jabatan/Agensi Negeri mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

4.9.1. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan Jawatankuasa Audit membincangkan secara terperinci isu-isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam serta memastikan tindakan *corrective* dan *preventive* diambil. Tindakan *corrective* adalah untuk memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbetulkan. Manakala tindakan *preventive* adalah bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang.

4.9.2. Penglibatan/penyeliaan oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara *hands-on* dalam urusan tersebut.

4.9.3. Latihan yang berterusan diberikan kepada pegawai-pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan.

4.9.4. Sentiasa peka terhadap pekeliling terbaru yang dikeluarkan oleh Kerajaan bagi membantu melicinkan lagi proses pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi. Lembaga pengurusan agensi juga perlu segera memberi kebenaran kepada pihak pengurusan untuk mengguna pakai pekeliling atau arahan baru yang dikeluarkan tersebut.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah mekanisme pemantauan yang kurang berkesan dalam memastikan undang-undang dan peraturan dikuatkuasakan. Kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjelaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjelaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di dalam program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat yang mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya
18 Mac 2016



www.audit.gov.my

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA